

KAMPUNG LALANG: KAJIAN SOSIO-EKONOMI

Mohd. Nawi Semail  
No. Matrik: 055475

Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

1990/1991

Bilik Sumber  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya

## SINOPSIS

Kajian ini merupakan kajian kes ke atas satu komuniti tani Melayu luar bandar. Kajian di Kampung Lalang ini bertujuan untuk melihat organisasi sosial serta susunan dan organisasi ekonomi di peringkat tempatan.

Kajian bermula dengan pemerihalan sejarah dan latar-belakang sosio-geografi komuniti kampung ini. Kampung ini terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Meranti dan kawasan Parlimen Pasir Mas. Penduduk di sini mempunyai pegangan politik kepartian yang berbeza-beza. Ada yang menganggotai UMNO dan Semangat 46, tetapi majoritinya adalah penyokong PAS.

Penelitian dibuat berdasarkan beberapa aspek yang dibahagikan kepada beberapa bab, iaitu merangkumi kesemua aspek sosio-ekonomi, budaya dan politik yang terdapat dalam kehidupan komuniti Kampung Lalang.

No. Matrik: 055475

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN                    ...                    ...                    ...	iii
SINOPSIS                        ...                    ...                    ...	iv
KANDUNGAN                    ...                    ...                    ...	v
SENARAI JADUAL                ...                    ...                    ...	vii
SENARAI RAJAH DAN PETA                    ...                    ...	viii
SENARAI SINGKATAN                    ...                    ...	ix
 BAB I :    PENGENALAN	 1
1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Kepentingan Kajian	2
1.3 Kawasan Kajian	2
1.4 Metodologi Kajian	6
1.5 Masalah Kajian	8
 BAB II :    KAMPUNG LALANG: SATU PENGENALAN UMUM	 11
2.1 Kawasan Kajian	11
2.2 Latarbelakang Sejarah	18
2.3 Penduduk dan Rumah	24
2.4 Profil Politik Kawasan Kajian	30
2.5 Kesimpulan	35
 BAB III :    ORGANISASI SOSIAL	 37
3.1 Pengenalan	37
3.2 Kekeluargaan dan Kekerabatan	38
3.3 Kegiatan Keagamaan	46

	<u>Muka Surat</u>
3.4 Persatuan	50
3.5 Politik dan Kepimpinan	54
3.6 Kesimpulan	57
 BAB IV : SUSUNAN DAN ORGANISASI EKONOMI	 58
4.1 Pengenalan	58
4.2 Jenis Pekerjaan	61
4.3 Pemilikan Tanah	67
4.4 Sistem Sewa Menyewa	72
4.5 Pengerjaan Tanah	75
4.6 Kerja Sambilan	82
4.7 Pemasaran	83
4.8 Pendapatan	86
4.9 Perbelanjaan	89
4.10 Kesimpulan	90
 BAB V : KESIMPULAN DAN PENUTUP	 92
 BIBLIOGRAFI	 99
 LAMPIRAN-LAMPIRAN	



## SENARAI JADUAL

	<u>Muka Surat</u>
Jadual 1 : Bentuk-Bentuk Rumahtangga Di Kampung Lalang	39
Jadual 2 : Orang-Orang Berpengaruh Dalam Kampung Lalang	56
Jadual 3 : Pembahagian Anak-Anak Tinggal Di Kampung Mengikut Apa Yang Mereka Lakukan	62
Jadual 4 : Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut Jenis Pekerjaan Utama	65
Jadual 5 : Taburan Pemilikan Tanah Mengikut Kategori	68
Jadual 6 : Taburan Saiz Pemilikan Tanah	69
Jadual 7 : Pembahagian Ketua Keluarga dan Milik Tanah Mengikut Cara Yang Diperolehinya	70
Jadual 8 : Kadar Pembayaran Sewa Tanah Seekar Dalam Satu Musim Menanam Antara Tahun 1987 - 1990	73
Jadual 9 : Pembahagian Tenaga Kerja Mengikut Punca Yang Dilakukan	76
Jadual 10 : Keluaran Hasil Padi Mengikut Tujuan Pengeluarannya	84
Jadual 11 : Penjualan Hasil Padi Mengikut Badan Pembeli	85
Jadual 12 : Anggaran Pendapatan Bulanan Ketua Keluarga Kampung Lalang	87
Jadual 13 : Anggaran Perbelanjaan Bulanan Ketua Keluarga Kampung Lalang	90

## SENARAI RAJAH DAN PETA

	<u>Muka Surat</u>
Rajah 1 : Struktur Keluarga Bersekutu	42
Rajah 2 : Struktur Keluarga Tirus	42
Rajah 3 : Struktur Keluarga Besar	43
Peta 1 : Kedudukan Kampung-Kampung Dalam Mukim Lalang	4
Peta 2 : Menunjukkan Kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri	5
Peta 3 : Menunjukkan Sempadan Mukim	12
Peta 4 : Peta Lakar: Penggunaan Tanah dan Letaknya Rumah Di Kampung Lalang	16

## SENARAI SINGKATAN

UMNO	:	United Malay National Organization
PAS	:	Parti Islam SeMalaysia
S.46	:	Semangat 46
DUN	:	Dewan Undangan Negeri
KADA	:	Kemubu Agriculture Development Authority
PPK	:	Pertubuhan Peladang Kawasan
LPN	:	Lembaga Padi dan Beras Negara
AJKKK	:	Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
PERNAS	:	Perbadanan Nasional
JKR	:	Jabatan Kerja Raya

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini ingin melihat kehidupan masyarakat tani di kawasan luar bandar dari sudut sosio-ekonomi. Aspek yang ditekankan di sini ialah organisasi sosial serta susunan dan organisasi ekonomi. Kajian ini dibuat di Kampung Lalang, sebuah kampung di Jajahan Pasir Mas, Kelantan.

Kajian ini dapatlah dianggap sebagai lanjutan kepada kajian-kajian dari sudut antropologi dan sosiologi yang telah bermula sejak tahun 1940an lagi, oleh pengkaji-pengkaji seperti R. Firth (1946, edisi kedua 1966), Rosemary Firth (1947, edisi kedua 1966), P.J. Wilson (1958), Swift (1965), Manning Nash (1974), M. Kuchiba dan rakan-rakan (1979) dan lain-lain lagi.

Di kalangan pengkaji-pengkaji tempatan penerokaan dibuat oleh S. Husin Ali apabila beliau mengkaji Kampung Bagan, Batu Pahat, Johor dalam tahun 1964. Kajian beliau itu menganalisis stratifikasi sosial dan mobiliti sosial di kampung tersebut. Kajian ini diikuti oleh kajian lain pada tahun 1975. Mazidah Zakaria pula (1967) melihat perubahan-perubahan yang berlaku pada susunan ekonomi dan sosial masyarakat kesan dari perkembangan ekonomi moden. Ia juga menekankan kepada perubahan masyarakat Melayu secara lebih mendalam. Kemudian diikuti oleh pengkaji-pengkaji lain seperti Wan Hashim (1978), Ishak Shari (1985) dan lain-lain lagi.



Selain dari memerihalkan organisasi sosial serta susunan dan organisasi ekonomi di Kampung Lalang, kajian ini juga akan memperlihatkan perubahan sosio-ekonomi sebagai akibat dari perkembangan ekonomi moden.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Pemilihan ke atas kampung ini dibuat memandangkan ia mempunyai kawasan sawah yang luas, di mana majoriti penduduknya bekerja sebagai petani yang terlibat di dalam usaha-usaha penanaman padi, di samping terlibat dengan penanaman jangka pendek yang lain.

Para petani di kampung ini juga telah lama terdedah kepada rancangan-rancangan pemodenan pertanian yang dianjurkan oleh kerajaan. Antaranya ialah rancangan penanaman padi dua kali setahun dan kegiatan Persatuan Peladang. Aktiviti-aktiviti Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) juga melibatkan penduduk kampung ini.

Kajian ini juga akan mendedahkan beberapa kelemahan yang timbul khususnya dari aspek-aspek pengendalian tanah pertanian, pemasaran dan pengurusan bantuan oleh badan-badan kerajaan serta badan-badan berkanun. Selain daripada itu, saranan-saranan juga diberikan dengan tujuan untuk meningkatkan hasil-hasil keluaran yang kemudiannya dapat pula meningkatkan taraf hidup kaum tani.

## 1.3 Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Kampung Lalang, Pasir Mas, Kelantan. Kampung Lalang ini berada dalam Mukim Lalang. Mukim




Lalang mempunyai beberapa buah kampung, iaitu Kampung Lalang, Kampung Bayu Lalang, Kampung Kubang Dapat, Kampung Che Mat Ali, Kampung Banggol Nangka, Kampung Lelabi dan Kampung Kubang Keruh. Kampung ini terletak dalam jajahan dan daerah Pasir Mas. Kedudukannya lebih kurang 3 kilometer daripada bandar Pasir Mas dan 22 kilometer dari bandar Kota Bharu.

Jajahan Pasir Mas terbahagi kepada 10 buah daerah. Jajahan Pasir Mas juga mengandungi dua kawasan Parlimen, iaitu Parlimen Pasir Mas dan Parlimen Rantau Panjang. Terdapat tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi setiap kawasan parlimen, yang terdiri seperti berikut:

1. Parlimen Pasir Mas (P. 20)
  - (a) DUN Tendong (N. 10)
  - (b) DUN Pengkalan Pasir (N. 11)
  - (c) DUN Meranti (N. 12)
2. Parlimen Rantau Panjang (P. 21)
  - (a) DUN Gual Periok (N. 13)
  - (b) DUN Bukit Tuku (N. 14)
  - (c) DUN Chetok (N. 15)

Kawasan kajian terletak di dalam kawasan Parlimen Pasir Mas dan bagi Dewan Undangan Negeri pula adalah di dalam kawasan Meranti. Tempat pembuangan undi bagi kawasan Kampung Lalang adalah di Sekolah Kebangsaan Bayu Lalang yang terletak di Kampung Bayu Lalang, lebih kurang 1 kilometer daripada Kampung Lalang.

5042 23





Selepas pembuangan undi, peti-peti undi dibawa ke Pasir Mas, iaitu di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas untuk dikira.

#### 1.4 Metodologi Kajian

Dua jenis data, iaitu data primer dan data sekunder, digunakan dalam kajian ini. Data primer, sama ada bersifat kualitatif atau kuantitatif, diperolehi dengan menggabungkan ketiga-tiga kaedah penyelidikan yang utama, iaitu borang soalselidik, temubual secara tak formal, dan pemerhatian-ikutserta. Ketiga-tiga kaedah ini digabungkan untuk mengelakkan sebarang masalah dan kesalahan dalam mengumpul data. Penggunaan borang soalselidik dan kaedah temubual ini memungkinkan pengumpulan satu set data yang lebih tepat.

Teknik soalselidik digunakan untuk mendapatkan data-data bercorak kuantitatif, seperti umur, tingkat pendapatan dan perbelanjaan. Sebelum soalselidik dibentuk, satu tinjauan awal telah dilakukan untuk memastikan soalselidik yang dibentuk itu tidak mempunyai kelemahan dan kekurangan. Dalam borang soalselidik, terdapat dua jenis soalan, iaitu soalan terbuka dan yang tertutup. Soalan terbuka memberikan kebebasan kepada responden untuk memberikan jawapan, tidak sebagaimana soalan tertutup di mana jawapan-jawapan disenaraikan untuk dipilih oleh responden. Soalan-soalan tertutup digunakan bagi memperoleh maklumat seperti kegiatan pertanian, kepimpinan dan juga tingkahlaku responden terhadap kegiatan politik. Teknik soalselidik terbuka dan tertutup ini telah digabungkan untuk menyokong jawapan yang telah diberikan.

Kaedah temubual pula terbahagi kepada dua, iaitu formal dan tidak formal. Melalui kaedah temubual tak formal, responden diminta memberikan sebarang maklumat tambahan kepada pengkaji, iaitu maklumat yang tidak dapat dibekalkan borang soalselidik. Dengan cara ini setiap maklumat dan data yang diperolehi akan lebih tepat dan berkesan. Kaedah temubual secara formal adalah dengan menggunakan borang soalselidik. Ini melibatkan seluruh ketua keluarga di Kampung Lalang. Pengkaji cuba menanyakan dari segi latarbelakang responden, perbelanjaan sehinggalah kepada kegiatan pertanian, penyewaan dan juga sifat kepimpinan serta keterlibatan dalam bidang politik. Pengkaji cuba menyelitkan unsur-unsur di luar daripada bidang kajian untuk mengelakkan daripada rasa jemu dan bosan yang dialami oleh responden. Penggabungan teknik-teknik ini dapat menambahkan maklumat-maklumat dan juga kesahan maklumat yang dikemukakan oleh responden.

Teknik pemerhatian dan ikutserta juga digunakan dalam kajian ini supaya dapat diketahui lebih lanjut lagi dan dapat membantu menambahkan maklumat-maklumat dalam pengumpulan maklumat secara tak formal.

Maklumat sekunder pula, diperolehi melalui beberapa cara, termasuk rujukan perpustakaan, dokumen-dokumen kerajaan dan badan-badan berkanun serta laporan-laporan media.

Oleh yang demikian, dengan menggabungkan kaedah-kaedah kajian ini, maka satu kajian yang lebih tepat dapat diadakan.



### 1.5 Masalah Kajian

Semasa menjalankan kajian dan pengumpulan data daripada responden di Kampung Lalang, pengkaji menghadapi beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan. Di antara masalah-masalah yang timbul termasuklah soal ketidaktepatan jawapan mengenai pendapatan para petani, kerana mereka menganggap pengkaji sebagai agen kerajaan ataupun pegawai penyelidik mengenai cukai pendapatan. Jadi untuk mengatasi masalah ini pengkaji cuba meyakini mereka serta menggunakan kaedah temubual secara tidak formal.

Masalah untuk mendapatkan perangkaan tepat mengenai pendapatan bulanan juga berkait rapat dengan hakikat bahawa sebilangan besar responden terdiri daripada kaum tani. Sebagai petani pendapatan mereka adalah bermusim. Setiap musim pengeluaran hasil pertanian adalah tidak sama, bergantung kepada menjadi ataupun tidak padi yang mereka tanam. Keluasan tapak pertanian yang mereka kerjakan berbeza dari musim ke musim. Ini adalah kerana terdapatnya persaingan untuk menyewa tanah pertanian daripada tuan-tuan tanah, lagipun ketetapan minimum harga sewa tanah itu tidak dibuat. Maka keluasan yang berbeza ini tidak boleh menetapkan jumlah keluasan tanah yang digunakan untuk pertanian. Jadi pengkaji terpaksa membuat andaian bahawa dua musim menanam dalam setahun itu dibahagikan daripada jumlah bulan yang terdapat dalam setahun. Anggaran ini tidak membawa makna jumlah pendapatan para petani adalah tetap.



Pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat sejarah lama kampung. Orang-orang tua kampung sudah tidak ada lagi. Seorang dua yang ada itu memberikan keterangan yang tidak mencukupi dan kesahihan maklumat itu tidak dapat disemak.

Selain daripada itu, terdapat juga masalah kurang kerjasama dari responden. Responden tidak berapa berminat untuk memberikan kerjasama kepada pengkaji. Mereka seolah-olah bersikap sambil lewa dalam memberikan jawapan, memberi jawapan yang tidak tepat atau jawapan yang di luar daripada yang dikehendaki oleh soalan.

Masalah juga timbul untuk menemui responden-responden. Mereka boleh bertemu sekejap pada waktu tengahari dan petang sahaja. Dengan ini pengkaji terpaksa meluangkan masa pada malam hari untuk menemui responden-responden. Tetapi pada malam hari mereka tidur awal lagi kerana mereka keletihan bersawah di bendang. Oleh yang demikian, pengkaji berpeluang sekejap sahaja pada waktu ini. Hanya seorang dua sahaja yang sempat ditemuduga pada setiap malam.

Soalan-soalan mengenai politik juga menjadi punca masalah. Responden-responden menganggap pengkaji cuba mengetahui apakah pegangan politik mereka. Mereka juga takut untuk memberikan jawapan secara terus terang, terutama kiranya mereka menyokong pihak pembangkang. Mereka bimbang kehilangan subsidi harga padi dan baja atau seumpamanya. Oleh yang demikian, mereka cuba

mengelakkan memberikan jawapan yang sebenarnya.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang disenaraikan dapat diatasi berkat kesabaran dan ketekunan pengkaji. Oleh yang demikian, masalah-masalah tersebut tidak menghalang mencapai matlamat dan tujuan kajian ini.

## BAB II

### KAMPUNG LALANG: SATU PENGENALAN UMUM


#### 2.1 Kawasan Kajian

Sebagaimana yang disebutkan terdahulu daripada ini, Kampung Lalang terletak lebih kurang 3 kilometer daripada bandar Pasir Mas dan 22 kilometer daripada bandar Kota Bharu. Kampung ini adalah di dalam Mukim Lalang, yang berhampiran dengan tiga buah mukim lain, iaitu Alur Buluh, Kubang Terap dan Lubuk Acing.

Kampung Lalang dihubungkan dengan bandar Pasir Mas oleh sebatang jalanraya yang agak sempit. Dulunya jalan ini merupakan jalan tanah merah yang berdebu pada musim panas dan becak pada musim tengkujuh dan kadang-kadang ditenggelami air. Pada tahun 1984, jalan ini telah ditambah setinggi lebih kurang lima kaki, dan diturap pada tahun 1985. Oleh kerana terlalu kerap dilalui oleh jentera berat, terutama lori pengangkut tanah, padi dan juga jentera menuai, maka jalan itu telah rosak. Kerosakan diperbaiki pada tahun 1989.

Kampung Lalang ini terbahagi kepada dua, iaitu Kampung Lalang dan Kampung Baloh Raja. Nama asal Kampung Baloh Raja ialah Kampung Kubang Kura. Nama baru diberi itu adalah berdasarkan kepada sebuah baloh (suatu tempat menyimpan padi) yang telah dibina oleh seorang kerabat diraja pada tahun 1967.







Pembahagian di antara Kampung Lalang dengan kampung-kampung lain adalah tidak berapa jelas sempadannya. Hanya dapat dibezakan oleh beberapa faktor fizikal yang tertentu sahaja seperti taliair, alur, jalanraya dan lain-lain lagi. Misalnya, Kampung Lalang dipisahkan dengan jirannya Kampung Serdang oleh sawah padi. Ia dipisahkan dengan Kampung Baloh Raja oleh taliair dan dengan Kampung Bayu Lalang oleh alur. Sekarang alur tersebut telah dihubungkan terus dengan taliair yang baru dibina. Taliair ini telah menjadi sempadan baru antara kedua buah kampung tersebut.

Kampung ini merupakan tanah sawah yang terbentang luas di sebelah utara jalanraya yang menghala ke pendalaman. Tanah sawah itu dipisahkan oleh petak-petak yang tertentu yang menandakan milik seseorang petani. Batas-batas ini juga digunakan untuk menakung air di waktu padi membesar dan mudah untuk mengeringkan air di waktu menuai. Apa yang nyata di kampung ini adalah pembahagian yang jelas di antara tanaman padi dengan tanaman-tanaman lain seperti getah, kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain lagi. Tanaman-tanaman lain hanya ditanam di sebelah menyebelah rumah sahaja. Sebahagian besar daripada tanaman-tanaman ini ditanam di bahagian kiri jalanraya yang menuju ke pendalaman.

Pembahagian yang nyata antara tanaman padi dengan tanaman-tanaman lain yang disebut tadi adalah disebabkan oleh faktor geografi, iaitu di sebelah timurnya terdapat tanah lumpur yang sesuai untuk tanaman padi sahaja sementara di sebelah barat pula terdapat tanah tinggi yang membolehkan tanaman-tanaman lain ditanam.



Di sebelah timur ini terdapat juga sedikit tanaman sagu dan dusun buah-buahan. Pasaran sagu tidak menggalakkan dan kebanyakannya digunakan hanya untuk makanan ternakan. Permintaan sagu hanya dalam lingkungan kampung ini sahaja.

Di Kampung Lalang, penanaman getah di sebelah barat jalanraya tidak mengeluarkan hasil yang baik. Ini kerana kawasan penanaman getah itu sering dinaiki air, terutamanya pada musim tengkujuh dan juga ketika petani memasukkan air ke sawah padi. Semasa air dimasukkan ke sawah padi, air juga meresap masuk ke kawasan getah. Keadaan yang berair di kawasan kebun getah ini menyusahkan kerja penorehan getah. Keadaan becak dan kadangkala bertakung air boleh mengurangkan pengeluaran susu getah kerana pokok getah hanya sesuai ditanam di tanah gambut yang mudah disaliri. Oleh sebab itulah kelihatan di dalam kebun getah berjaluran parit-parit kecil yang digali untuk mengalirkan air keluar daripada kebun getah tersebut. Jaluran parit-parit ini digali di antara pokok getah supaya kawasan sekeliling setiap batang pokok getah itu boleh dikeringkan.

Sayur-sayuran, pisang dan juga kelapa ditanam untuk kegunaan sendiri sahaja. Kalau adapun dijual hanyalah di dalam lingkungan kampung ini sahaja. Walaupun demikian, terdapat juga pembeli dari kampung berdekatan yang datang membeli hasil tanaman itu, juga untuk kegunaan mereka sendiri sahaja.

Di Kampung Lalang terdapat satu jalinan saluran taliair yang digunakan untuk memasukkan air ke sawah dan empat jalinan

salinan digunakan untuk membuang air di sawah padi. Pengeringan air amat perlu, terutamanya pada musim menuai. Walaupun demikian, dalam masa yang sama juga, kedua jenis taliair ini pernah digunakan untuk memasukkan ataupun membuang air dari sawah mereka. Ini adalah mengikut keadaan yang membolehkan petani membuat sedemikian. Semasa kajian dijalankan, air yang dibekalkan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair (JPT) ke sawah-sawah padi telah diagihkan dari satu kawasan ke kawasan yang lain mengikut masa yang tertentu. Pengagihan pembekalan air ini adalah disebabkan oleh ketidakcukupan air untuk disaliri ke seluruh kawasan pertanian secara serentak. Ini kerana terdapatnya kekurangan air dari sungai Kelantan. Jadi air telah disaliri bagi satu-satu kawasan mengikut jadual yang tertentu, iaitu berapa kali air itu disaliri bagi satu-satu kawasan dalam seminggu. Oleh yang demikian, petani bersungut ketidakcukupan air di sawah mereka, terutamanya pada musim menanam.


Kampung ini merupakan perkampungan Melayu 100%. Jumlah penduduk yang menetap di Kampung Lalang adalah seramai 265 orang yang mendiami dalam 55 buah rumah.

Seluruh penduduk kampung ini menikmati api letrik, tetapi tidak pula menikmati bekalan air paip. Hanya 16.0% daripada ketua keluarga di kampung ini menggunakan air paip. Selebihnya masih lagi menggunakan perigi. Terdapat 12.0% yang menggunakan generator untuk mengepam air dari perigi dan dibawa naik ke rumah mereka. Di sini juga terdapat hanya sebuah keluarga



# PETA 4

## PETA LAKAR: PENGGUNAAN TANAH DAN LETAKNYA RUMAH DI KAMPUNG LALANG





besar yang berkongsi perigi sebagai punca bekalan air mereka. Rumah-rumah mereka hampir bersambung antara satu sama lain.

Alat pengangkutan yang utama di kampung ini ialah motosikal, basikal dan beca. Ada juga perkhidmatan kereta tambang yang digunakan di dalam kampung ini untuk mereka berhubung dengan bandar. Perkhidmatan bas belum lagi terdapat. Ini menimbulkan masalah kepada kanak-kanak sekolah, terutamanya yang belajar di bandar Pasir Mas. Mereka terpaksa bangun awal untuk berbasikal ataupun berjalan kaki ke sekolah. Jarak di antara rumah mereka dengan sekolah adalah lebih kurang 3 kilometer.

Kampung ini mempunyai satu gelanggang takraw yang baru dibina pada tahun ini. Tempat ini merupakan pusat tumpuan kanak-kanak pada waktu petangnya. Kampung ini tidak mempunyai pondok telefon, balairaya, peti-peti surat, wakil pos, gelanggang badminton, klinik desa dan sekolah. Untuk menikmati kemudahan-kemudahan seperti ini penduduk Kampung Lalang terpaksa pergi ke Kampung Bayu Lalang. Boleh dikatakan bahawa Kampung Bayu Lalang merupakan pusat pembangunan infrastruktur yang utama jika dibandingkan dengan Kampung Lalang.

Dari segi keselamatan sosial pula, di Kampung Lalang terdapat seorang ketua unit rela. Pusat gerakan rela ialah di Kampung Bayu Lalang. Ketua unit menyerahkan kepada ahli-ahlinya yang berada dalam kampung ini untuk menjaga keselamatan kampung, terutamanya pada waktu malam. Tetapi penjagaan dalam kampung ini bukanlah dilakukan pada setiap malam, hanya pada masa-masa yang tertentu sahaja. Di kampung ini juga tidak terdapat pondok polis.

Tetapi kadangkala ada polis membuat rondaan, terutamanya pada waktu malam.

Di Kampung Lalang juga terdapat sebidang tanah perkuburan yang terletak di sebelah barat kampung ini. Kawasan ini merupakan kawasan yang terkebelakang sekali daripada perkampungan penduduk. Kawasan tanah perkuburan ini dihubungi oleh jalan yang ditambak dengan batu kuari. Kawasan tanah perkuburan ini adalah 0.63 ekar.

Di Kampung Lalang terdapat dua buah madrasah yang terletak tidak berapa jauh di antara satu sama lain. Memandangkan terdapat dua buah madrasah dalam satu kampung, maka penduduk di kampung ini terpaksa memilih untuk menunaikan sembahyang secara berjemaah. Lazimnya, mereka pergi ke madrasah yang paling dekat dengan kediaman mereka.

Di kampung ini juga terdapat dua buah kedai runcit, kedua-dua kedai ini berkedudukan sebelah menyebelah di antara satu sama lain. Kedai ini dapat menampung permintaan keperluan harian bagi penduduk Kampung Lalang ini. Ada juga penduduk dari luar kampung ini yang datang untuk mendapatkan keperluan mereka. Walaupun demikian terdapat juga penduduk kampung ini yang pergi ke bandar-bandar untuk mendapatkan keperluan barangan mereka.

## 2.2 Latarbelakang Sejarah

Tarikh yang tepat berkaitan dengan pembukaan Kampung Lalang tidak diketahui. Tetapi mengikut orang tua-tua, kampung ini telah wujud sekitar tahun 1914. Di antara tahun 1930an-1950an



terdapat lebih kurang sepuluh buah rumah di kampung ini. Perkampungan ini dikelilingi oleh hutan belukar. Ini menunjukkan bahawa kawasan ini diterokai orang yang terdahulu daripada penduduk kampung ini. Kawasan sawah pula kebanyakannya tidak bertanam dengan padi, yakni terbiar begitu sahaja kerana ditumbuhi oleh rumput dan juga takungan air yang dalam. Dengan ini tanah tersebut tidak boleh ditanam dengan padi. Walaupun demikian, hanya seekor dua sahaja yang bertanam. Itupun berhampiran dengan perkampungan mereka.

Tanaman lain seperti kelapa, ubi, sayur-sayuran dan lain-lain lagi hanya ditanam berdekatan dengan rumah mereka, sekadar untuk keperluan sendiri.

Adat dan tradisi kampung ini masih lagi diteruskan oleh penduduk kampung ini hingga sekarang. Mengikut definisi yang dijelaskan oleh Noraziah Ahmad Gazali, "adat adalah hubungan yang terbentuk apabila sesuatu kelaziman yang telah wujud begitu lama dan tertanam dengan kukuh, individu-individu patuh kepadanya secara sukarela dengan tujuan mendapatkan keselesaan dan faedah praktikal. Kelaziman dan adat pada paras tipikal adalah berbeza dari tindakan rasional. Pelaku individu juga kurang sedar bahawa secara tidak langsung mereka tidak tertakluk kepada pemaksaan tidak nyata" (1986: 64).

Dulunya upacara-upacara seperti permulaan menabur benih, mencedung, menuai dan makan padi baru diadakan. Tetapi apa yang dapat dilihat di sini pada hari ini ialah bahawa hanya Kampung

Baloh Raja sahaja yang masih meneruskan tradisi ini. Itupun dalam hal-hal yang tertentu sahaja. Keluasan kampung ini adalah 59 ekar. Penduduk kampung ini yang menanam padi masih meneruskan upacara-upacara sedemikian. Jika tidak berbuat demikian mereka menganggap bahawa padi mereka akan dirosakkan oleh sesuatu ataupun diri mereka sendiri yang terkena malapetaka.

Upacara-upacara ini dilakukan oleh seorang bomoh atau oleh orang tua-tua kampung ini ataupun di luar daripada kampung tersebut. Upacara ini hanyalah dilakukan oleh seorang dua sahaja dan bukannya dilakukan secara beramai-ramai. Ia dilakukan secara senyap-senyap untuk memenuhi syaratnya sahaja dan bukannya melibatkan seluruh penduduk kampung ini. Mereka melakukan upacara sedemikian hanya untuk mengambil 'sah' sahaja bahawa upacara tersebut telah dilakukan.

Setelah upacara seperti upacara menanam padi pertama, iaitu serumpun padi yang pertama telah ditanam, maka kerja-kerja sawah mereka boleh dimulakan. Upacara ini dipanggil 'kenduri', dimula dengan ayat suci dan diakhiri dengan ayat suci juga. Mereka mengambil sedikit beras pulut, telur, air dan lain-lain lagi serta meletakkan bahan tersebut ke dalam sebuah dulang dan memulakan pembacaan ke atas bahan tersebut. Setelah pembacaannya selesai barulah mereka pergi ke sawah untuk melakukan kerja bendang, iaitu mencedung serumpun padi yang pertama jika upacara tersebut dilakukan untuk memulakan kerja mencedung.



Begitu juga dengan adat penyembelihan binatang ternakan seperti lembu, kerbau, kambing dan biri-biri. Mereka memastikan terlebih dahulu bahawa selepas penyembelihan binatang berkenaan mereka mengambil serba sedikit daripada daging binatang itu pada setiap bahagian badan binatang tersebut. Bahagian-bahagian yang biasa diambil adalah lidah, hati, perut dan sedikit daging. Ini adalah untuk upacara pemujaan, iaitu bahan-bahan tersebut dibawa ke sebatang pokok yang dikatakan 'keramat'. Adat dan tradisi ini juga hanya dilakukan di kalangan komuniti tani di Kampung Baloh Raja sahaja. Kawasan di luar daripada sempadan kampung ini tidak melakukan upacara-upacara sedemikian.

Kampung Baloh Raja yang seluas 59 ekar itu termasuk juga tanah kampung yang dimiliki oleh kerabat diraja. Sekitar tahun 1960an-1970an tanah sawah telah dipawahkan kepada penduduk dengan hasilnya dibahagi dua antara pemilik dengan penanam. Tetapi pada akhir-akhir ini, iaitu pada tahun 1980an, tanah sawah itu telah diberi sewa kepada petani. Harga sewa tanah sawah adalah mengikut nilai semasa. Tetapi tanah yang digunakan untuk perkampungan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Perhubungan di antara penyewa dengan pemilik di Kampung Baloh Raja masih lagi kuat, di mana seperti mana perhubungan antara penaung dengan dinaung. Perhubungan mereka ini nampaknya adalah mempunyai perhubungan yang mempunyai faedah ekonomi. Penaung memperolehi faedah daripada pekerja tanah dan dinaung pula daripada mengerjakan tanah itu. Kadang-kadang petani



memberikan pertolongan kepada penaungnya, terutama ketika penaungnya mengadakan kenduri kendara. Ini kerana petani menganggap semasa inilah mereka dapat membalas jasa-jasa yang telah diberikan oleh pemilik tanah itu kepadanya. Begitu juga dengan pemilik, mereka memberi pertolongan kepada petani di kala petani benar-benar memerlukan pertolongan. Jika pemilik memberikan pinjaman, terutamanya wang, mereka tidak mengenakan apa-apa kadar bunga. Bayaran balik pinjaman tersebut biasanya dilakukan pada musim menuai padi.

Di Kampung ini terdapat seorang petani yang menyewa tanah sawah dan kemudiannya telah memberikan sewa kepada orang lain pula. Apa yang dapat dilihat di sini adalah ia bertindak sebagai penaung kepada petani tersebut. Apa-apa keperluan petani itu seperti baja, benih, dan membajak tanah telah disediakan oleh penaung tadi. Keadaan ini wujud kerana petani itu tidak berkemampuan untuk menyewa tanah secara langsung dari tuan tanah. Jadi ia terpaksa memawahkan tanah tersebut supaya dia dapat mengerjakan tanah sawah seperti orang lain.

Di Kampung Lalang ini wujud juga penaung ekonomi seperti pekedai-pekedai yang memberikan hutang barangan kepada petani dan kadangkala juga memberikan pinjaman wang. Fungsi kedai-kedai di sini adalah serupa dengan apa yang telah digambarkan oleh Norazit Selat;

"Kedai inilah tempat orang-orang kampung mengadu nasib mereka, ketika mereka di dalam kesusahan. Di kedai ini mereka meminjam wang" (1986: 161)

Setelah kemasukan unsur-unsur kapitalisme, yang bermula dalam zaman penjajahan dan berlanjutan selepas penjajahan, maka sistem pertukaran dengan menggunakan wang adalah diutamakan di kampung ini. Dengan ini petani-petani memerlukan wang untuk ditukarkan dengan barangan yang tidak dikeluarkan sendiri. Sedangkan keluaran petani adalah pada masa-masa yang tertentu sahaja. Semasa menunggu untuk mendapatkan hasil, mereka terpaksa meminjam wang daripada orang lain. Kebanyakan mereka hanya meminjam wang daripada orang-orang mereka kenali, terutamanya di dalam lingkungan kampung ini juga.

Petani-petani memerlukan bantuan kewangan untuk menyara hidup harian mereka khususnya sewaktu menunggu padi masak ataupun sewaktu padi tidak menjadi. Perbelanjaan harian mereka harus dikekalkan, walaupun mereka hanyalah mendapat sumber kewangan di musim-musim tertentu sahaja. Petani cuba meminjam wang daripada pekedai-pekedai untuk memenuhi keperluan mereka itu. Apa yang telah dijelaskan oleh Selvadurai nampaknya menyerupai apa yang terdapat di Kampung Lalang;

"Sumber kredit terpenting di kawasan luar bandar pada masa kini adalah pekedai, yang biasanya menyediakan kredit untuk perbelanjaan penggunaannya" (dalam K.S. Jomo: 1988: 54)

Walaupun unsur-unsur permodenan dan projek-projek pembangunan telah diserapkan di kampung ini, unsur-unsur tradisional masih lagi diteruskan. Apa yang jelas di sini adalah terdapatnya pembahagian dua komuniti yang berbeza dari pemahamannya terhadap



adat tradisional mereka. Walaupun mereka menerima unsur-unsur moden seperti teknologi moden dalam bidang pertanian, tetapi mereka masih lagi sedikit sebanyak meneruskan adat dan tradisi mereka yang ditinggalkan oleh orang tua.

Pembangunan infrastruktur di Kampung Lalang ini mendorong penduduk-penduduk kampung lain berpindah dan secara tak langsung menetap di sini. Kebanyakan orang luar yang menetap di kampung ini berbuat demikian melalui perkahwinan. Mereka mengahwini penduduk kampung ini dan terus menetap di sini.

### 2.3 Penduduk dan Rumah

Seperti di sebut di awal lagi, kampung ini merupakan perkampungan Melayu 100%. Jumlah penduduk yang menetap di Kampung Lalang adalah seramai 265 orang, yang mendiami dalam 55 buah isirumah.

Penduduk kampung ini terdiri daripada beberapa keluarga besar, yang tinggal di sesuatu kelompok yang sama. Terdapat lima keluarga yang terdiri daripada keluarga besar. Keluarga besar terdiri daripada beberapa keluarga asas yang tinggal berkelompok dalam satu kawasan yang sama. Penempatan mereka tertumpu pada sesuatu kawasan yang berdekatan, boleh dikatakan bahawa empat lima buah rumah berdekatan adalah terdiri daripada satu keluarga yang sama. Walaupun demikian, terdapat juga keluarga asas di kampung ini yang terdiri daripada seorang bapa, ibu dan juga anak-anaknya. Pengecilan keluarga asas juga wujud hasil daripada perceraian dan kematian suami ataupun isteri.

Di kampung ini unsur-unsur kerjasama masih lagi terjalin di antara mereka. Semangat kerjasama lahir daripada seseorang penduduk memerlukan pertolongan dalam hal-hal yang tertentu. Kerjasama ini terjelma semasa upacara-upacara perkahwinan, kenduri kendara dan kematian. Pada ketika-ketika seperti ini, hampir setiap orang mengambil peranan masing-masing dengan tidak payah diberikan arahan. Begitu juga dalam bidang pertanian, terutamanya pada musim menuai padi. Pada masa inilah semua petani cuba mempercepatkan tuaian masing-masing untuk mengelakkan padi mereka menjadi rosak. Jadi mereka terpaksa menumpukan sepenuh kerjasama antara mereka. Jika di dalam kampung ini padi salah seorang petani yang padinya masak terlebih dahulu, mereka beramai-ramai menolong mengisikan padi tersebut ke dalam guni jika padi tersebut dituai oleh mesin menuai. Kebiasaannya kerja ini dilakukan oleh golongan muda kampung ini. Jika padi itu tidak dituai menggunakan mesin menuai, mereka sama-sama membanting padi tersebut supaya kerja menuai itu dapat disiapkan secepat mungkin. Kerja ini selalunya dilakukan oleh golongan tua kampung ini. Pendek kata, ia menepati apa yang dikatakan oleh S. Husin Ali, "Kerjasama ini berasaskan prinsip bahawa pertolongan atau khidmat itu diberikan dengan harapan dapat menerima kembali pada waktu yang lain" (1977: 80).

Dalam lingkungan 55 buah rumah dan keluarga di kampung ini mereka saling kenal mengenali antara satu sama lain. Dengan demikian, semangat kekitaan dan setiakawan masih lagi wujud di kampung ini. Jika ada orang dari luar kampung ini yang menanya



kehabaran salah seorang penduduk, tidak mungkin terdapat penduduk kampung ini yang tidak boleh memberitahu kepadanya, kecuali kiranya soalan itu ditujukan kepada kanak-kanak. Kebiasaannya, mereka saling kunjung mengunjung di antara satu sama lain, terutama sekali jika salah seorang daripada mereka sakit. Mereka datang melawat dengan membawa sedikit makanan ataupun buah-buahan bersamanya. Apa yang diperkatakan oleh Afifuddin Hj. Omar mengenai petani amnya dapat diaplikasikan kepada petani di Kampung Lalang juga;

"... kaum tani memajukan beberapa norma sosial yang bertujuan menimbulkan sikap saling bantu membantu, seperti yang terdapat dalam kenduri, derau dan sedekah." (1986: 12)

Sebahagian besar daripada penduduk kampung ini berasal dari punca keturunan yang sama. Jadi mereka senang untuk bekerjasama di antara satu sama lain. Juga mudah bagi mereka untuk membentuk suatu pendapat yang sama dan melakukan pekerjaan secara bersama seperti gotong-royong, derau dan seraya. Mereka bekerjasama antara satu sama lain kerana punca tenaga yang utama adalah daripada keluarga sendiri, walaupun kebanyakan kerja sawah mereka diupah pada masa musim menuai dan juga masa membajak tanah. Keadaan ini terdapat persamaan dengan apa yang dikatakan oleh S. Husin Ali di kawasan kajiannya;

"Unit pengeluaran yang penting masa lalu dan juga pada sebahagian masa kini, terutamanya bidang pertanianlah unit rumahtangga itulah yang merupakan punca tenaga kerja paling penting sekali (1977: 82)

Di kampung ini juga terdapat keluarga-keluarga yang baru kahwin yang tinggal dengan mertua mereka. Adakalanya mereka tinggal berdekatan dengan keluarga ibubapa mereka. Jadi apa yang dapat dilihat di sini ialah bahawa kebanyakan penduduk dari luar kampung ini, terutamanya lelaki yang berkahwin dengan perempuan kampung ini, terus menetap di sini. Kebanyakan mereka telah diberikan tanah oleh orang tua mereka untuk mendirikan rumah yang berhampiran dengan keluarga ibubapa mereka. Mereka menganggap jika berada berdekatan antara satu sama lain, maka mereka mudah untuk bantu membantu antara satu sama lain. Komuniti di sini terdapat persamaan dengan masyarakat kampung yang dikaji oleh S. Husin Ali, iaitu "terdapat unsur-unsur kekeluargaan yang menghubungkan rapat sebahagian ramai anggota masyarakat kampung itu; dan ada pula di antara mereka yang boleh menyusur-galur keturunan mereka dari orang atau orang-orang yang mula sekali membuka kampung ini" (1977: 67). Hubungan kekitaan dan setiakawan ini bukan sahaja terjalin di kalangan ahli keluarga, tetapi juga terjalin di seluruh komuniti kampung ini. Mereka memberikan pertolongan di kala seseorang penduduk kampung memerlukan pertolongan.

Rumah-rumah di kampung ini didirikan di sepanjang jalanraya. Terdapat 91.0% daripada 55 buah rumah didirikan di sebelah barat jalanraya dan hanya 9.0% daripadanya yang didirikan di sebelah timurnya. Hanya dua buah rumah yang dibina di pangkal jalan yang menuju ke Kampung Lalang dan tiga buah di penghujung jalan ini dan hampir-hampir dengan sempadan Kampung Bayu Lalang.



Mereka memilih penempatan di bahagian barat jalanraya itu adalah kerana di bahagian timur terdapat tanah sawah. Sebelah timur juga mudah ditenggelami air, terutamanya di musim tengkujuh. Kawasan barat ini merupakan keadaan tanah yang lebih tinggi dan terhalang daripada banjir di musim tengkujuh.

Dalam perkampungan ini, pembinaan rumah adalah mengikut citarasa dan taraf pendapatan pemilik tapak rumah sendiri. Dengan demikian terdapat berbagai bentuk rumah di kampung ini. Mereka yang berada mendirikan rumah yang lebih besar dan yang tidak berkemampuan pula mereka mendirikan rumah yang kecil.

Bentuk rumah di kampung ini umumnya adalah terdiri daripada rumah kampung, yang terdiri daripada:

1. Jenis batu dan genting
2. Jenis papan dan zink serta ardex
3. Jenis papan dan zink serta rumbia

Hanya dua buah rumah yang beratapkan genting dan berdindingkan batu. Yang lain masih lagi berunsurkan tradisional, walaupun banyak daripadanya telah diubahsuaikan dan diperbaiki.

Dalam sebuah keluarga besar pembinaan rumah mereka kelihatan terlalu rapat dan bersifat kelompok. Ini berlaku kerana apabila salah seorang daripada ahli keluarga itu berkahwin, ia mendirikan rumah di sebelah rumah bapanya. Di kawasan perumahan berkelompok ini terdapat empat atau lebih rumah didirikan. Di antara rumah-rumah itu terdapat lorong-lorong kecil. Boleh

dikatakan bahawa kebanyakan daripada rumah-rumah ini tidak mempunyai pagar.

Kalaupun dipagar, ianya hanyalah untuk mengelak daripada tanaman mereka seperti ubi, sayur-sayuran dan lain-lain, dimakan oleh binatang ternakan. Pagar ini diperbuat daripada buluh dan disusun rapi supaya dapat menahan daripada kemasukan binatang tersebut. Ada yang berpendapat bahawa jika mereka memagarkan rumah, maka hubungan persaudaraan antara mereka akan mula berkurangan sebab mereka susah hendak bertemu muka kerana terdapat sesuatu penghalang di antara mereka.

Semangat kekitaan dan setiakawan antara mereka juga lahir daripada pegangan agama yang mereka anuti. Komuniti ini dipadukan melalui konsep ummah, iaitu percaya kepada Allah dan Nabi Muhammad (S.A.W.) itu pesuruhNya. Mereka sentiasa menekan hubungan baik dalam komuniti yang dianggap sebagai persaudaraan Islam. Seorang kanak-kanak yang mencapai umur lebih kurang daripada 7 tahun dihantar mengaji al-Quran dengan guru-guru agama di kampung ini. Begitu juga dengan orang dewasa. Mereka tidak ketinggalan mendalami pendidikan keagamaan di madrasah-madrasah dengan guru-guru agama, terutamanya pada malam hari.

Ibadat sembahyang berjemaah biasa dilakukan pada waktu Maghrib, Isyak dan Subuh. Begitu juga pada hari Jumaat. Mereka ke masjid untuk berjemaah menunaikan sembahyang. Solat Zuhur dan Asar biasa dikerjakan di rumah-rumah. Walaupun demikian, ada juga di antara mereka yang berjemaah di masjid ataupun di madrasah.



Kebiasaannya konflik yang dihadapi oleh mereka hanyalah sementara sahaja. Apabila mereka ke bendang, berjemaah di masjid atau madrasah, atau apabila menghadiri majlis kenduri kendara dan kematian kita dapat melihat semangat kesatuan yang begitu erat.

#### 2.4 Profil Politik Kawasan Kajian

Seperti yang disebut dalam Bab I, kawasan kajian terletak di dalam kawasan Parlimen Pasir Mas dan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Meranti. Dalam kawasan Parlimen Pasir Mas jumlah pengundi yang berdaftar pada tahun 1986 adalah seramai 38,432 orang, terdiri daripada 94.8% Melayu, 3.1% Cina, 0.1% India dan 2.0% lain-lain. Kawasan DUN Meranti pula jumlah pengundinya adalah seramai 12,492 orang, yang terdiri daripada 94.3% Melayu dan selebihnya dari kelompok etnik yang lain. Mengikut banci 1985 jumlah pengundi yang berdaftar di Kampung Lalang adalah seramai 130 orang. Kira-kira 44.0% adalah terdiri daripada pengundi lelaki dan 56.0% terdiri daripada perempuan. Kedua-dua kawasan Parlimen dan DUN telah dimenangi oleh Barisan Nasional yang diwakili oleh UMNO.

Manakala pada tahun 1990, jumlah pengundi bagi kawasan Parlimen Pasir Mas adalah seramai 41,901 orang yang berdaftar, yang terdiri daripada 95.2% Melayu, 3.3% Cina, 0.1% India dan 1.4% lain-lain. Kawasan DUN Meranti pula, jumlah pengundi yang berdaftar meningkat kepada 13,436 orang, yang terdiri daripada 94.9% Melayu, 0.9% Cina, 0.4% India dan 0.1% lain-lain. Pilihanraya Umum 1990 bagi Parlimen dan DUN dimenangi oleh parti pembangkang,

iaitu kawasan Parlimen oleh Semangat 46 (S.46) dan DUN pula oleh PAS.

Penduduk kampung ini terbahagi kepada tiga kelompok mengikut parti masing-masing, iaitu UMNO, PAS dan S.46. Namun demikian, pembahagian kelompok ini bukan nampak dengan nyata, kerana mereka saling hormat menghormati antara satu sama lain. Semasa kajian ini dibuat, boleh dikatakan semuanya memberikan jawapan penyokong kepada pemerintah. Hanya 4.0% sahaja yang mengaku menyokong pembangkang. Tetapi apa yang diketahui melalui pemerhatian dan temubual secara tak formal, mereka menyokong PAS dan S.46. Responden tidak memberikan jawapan yang sebenar kerana mereka takut rahsia mereka terbuka dan mereka tidak mahu kehilangan apa yang diberikan oleh kerajaan seperti subsidi dan sebagainya. Mereka takut subsidi baja dan harga padi serta lain-lain tidak akan diberikan lagi kepada mereka atau yang telah diberikan itu ditarik balik. Dengan ini politik mereka adalah tertutup sedikit daripada pengetahuan umum, terutamanya orang luar daripada kampung ini.

Walaupun mereka ini terbahagi kepada tiga kelompok fahaman politik, tetapi hubungan mereka di antara satu sama lain adalah tidak berubah. Pendebatan politik hanyalah hangat di kedai-kedai kopi dan wakaf-wakaf di waktu siang hari ataupun malam. Di sini kadangkala unsur-unsur perpecahan hampir-hampir berlaku. Tetapi perdebatan politik mereka hanyalah di antara keluarga sendiri. Pertengkaran ini hanyalah berunsurkan fahaman masing-masing dan tidak membawa kepada bermasam muka di antara satu sama lain.



Cawangan ketiga-tiga parti politik itu terletak di Kampung Bayu Lalang. Walaupun cawangan parti ini dibentuk, tetapi pembahagian masyarakat mengikut parti adalah tidak jelas. Dari segi keanggotaannya, setiap ahli dalam parti cuba menarik lebih ramai ahli diserap masuk ke dalam parti yang mereka sukai. Jelas sekali, walaupun fahaman parti yang berbeza, hubungan sosial mereka masih lagi kuat. R. Brown mengatakan bahawa hubungan sosial ini wujud "di antara seorang ataupun beberapa orang manusia apabila terdapat keharmonian dalam kepentingan mereka, iaitu melalui persamaan kepentingan dan penghadang atau penyesuaian kepentingan yang berlainan" (1980: 157). Komuniti tani mempunyai kepentingan yang sama dalam pengeluaran mereka, iaitu padi dan kefahaman yang berbeza dari segi politik. Meskipun terdapat perbezaan mengenai fahaman politik, tetapi mereka dapat menyesuaikan diri dalam hidup bermasyarakat. Dengan ini tidak menjejaskan hubungan di antara mereka, malahan mereka saling bantu membantu dalam proses pengeluaran hasil pertanian.

Apa yang jelas di sini ialah jika terdapat segala tuntutan untuk mendapatkan kemudahan sosial kebiasaannya disalurkan melalui cawangan UMNO kawasan mereka. UMNO merupakan orang tengah yang menghubungkan mereka dengan pihak yang berkuasa.

Kesedaran politik petani di sini hanyalah di musim pilihanraya sahaja, yakni politik menjadi topik penting dalam perbincangan mereka di masa lapang. Di masa lain pula mereka tidak berkesempatan untuk berbuat demikian, kerana mereka terlalu sibuk dengan tugas harian mereka.

Penyertaan politik oleh penduduk-penduduk tempatan adalah pada kadar yang berbeza-beza. Ada yang pasif dan ada yang aktif. Orang aktif dalam parti memegang jawatan dalam parti dan menjaga kepentingan parti mereka. Yang tidak aktif pula hanyalah melibat secara tak langsung dalam parti politik, seperti keluar mengundi di masa pilihanraya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh La Palombara, penyertaan politik adalah;

"... embeded in specific and different kind of culture situation that deeply impinge upon the form, and meaning of participation itself... important contextual factors would include the structure of political institution, the amount of freedom available to form and use organization like interest groups and political parties, and the amount of effective located at the nation center" (1974: 424)

Daripada 55 orang responden yang ditemui, hanya 2 orang (4.0%) sahaja yang terlibat secara aktif di dalam parti politik. Mereka menceburkan diri dalam parti dan cuba menjaga kepentingan parti mereka. Penglibatan mereka bukanlah suatu yang utama bagi mereka, kerana mereka bukanlah memahami sepenuhnya hal-hal yang berkaitan dengan politik. Keadaan ini jelas seperti apa yang dikatakan oleh J.S. Migdal, iaitu;

"After all, they are generally extremely poor with little time for after-work activities and, also be based on past experience they are quite pessimistic about their abilities to manipulate the social and political environment to their advantage" (1974: 21)



Di antara penyokong parti PAS dan S. 46 nampaknya berbeza dari segi umur. Kebanyakan anggota S. 46 terdiri daripada golongan muda. Penyokong PAS pula terdiri daripada golongan tua, termasuk guru-guru agama. Walaupun terdapat perbezaan dari segi umur dan juga taraf pendidikan, mereka tetap bergabung dalam kedua-dua parti tersebut. Mereka saling bekerjasama dan juga bertukar-tukar pendapat mengenai permasalahan mereka. Dalam perbicaraan mereka menunjukkan sikap kerja sama dan tolak ansur.

Penyokong UMNO adalah bercampur-campur, terdiri daripada golongan muda dan golongan tua. Sebahagian besar daripada mereka bekerja makan gaji. Walau bagaimanapun, komitmen mereka terhadap kerja parti hanyalah pada musim pilihanraya sahaja.

Kampung Lalang merupakan satu kawasan yang disegani oleh pemimpin UMNO. Di sini terdapat lebih ramai penyokong pembangkang jika dibandingkan dengan lain-lain kampung di Mukim Lalang ini. Kawasan ini juga merupakan satu kawasan yang mempunyai penyokong PAS yang teramai jika dibandingkan dengan ketiga-tiga parti tersebut. Mengikut Manning Nash pula, petani lebih suka menyokong PAS kerana "it perceives its culture and religion as under attack by Westernization and striving for economic and political power it bring" (1974: 110).

Persaingan di antara parti politik ini adakalanya menguntungkan penduduk kampung ini. Perbezaan fahaman politik ini memberangsangkan pemimpin parti, terutamanya UMNO, untuk memberikan bantuan supaya sokongan mereka bertambah dan mengekalkan

sokongan yang sedia ada. Mereka mengadakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan memberikan bantuan kewangan. Projek-projek yang telah dijalankan di kampung ini termasuklah gelanggang takraw pada tahun 1990, membaiki jalanraya, membaiki madrasah dan mengadakan pembesar suara di madrasah-madrasah. Begitu juga dengan bantuan kepada keluarga termiskin, seperti memberikan bantuan papan untuk berdiri dan membaiki rumah serta pemberian tandas pada tahun 1984.

Pendorong politik yang utama di sini adalah ketua keluarga mereka. Parti yang disokong oleh ketua keluarga merupakan ikutan kepada anak-anaknya. Bapa sebagai pemimpin dan ibu pula sebagai pembantunya. Jadi setiap pemilihan yang dibuat oleh ketua keluarga merupakan pilihan yang sama dalam ahli keluarganya. Walaupun demikian, terdapat juga di antara mereka yang tidak mengikut ketua keluarga mereka. Tetapi ini hanyalah sebilangan kecil sahaja.

## 2.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa kampung ini adalah kampung pertanian. Kegiatan ekonomi di sini berasaskan kepada kegiatan bersawah. Tanaman-tanaman lain adalah sebagai tambahan pendapatan isirumah termasuklah getah, buah-buahan dan berbagai-bagai jenis tanaman jangka pendek yang lain. Kegiatan pertanian mereka juga tidak dapat dipisahkan daripada adat dan tradisi lama yang mereka warisi sejak generasi terdahulu.



Setengah daripada mereka masih lagi jahil tentang soal-soal politik. Mereka tidak memberikan perhatian yang utama terhadap perkembangan politik. Sebaliknya, lebih menumpukan aktiviti-aktiviti ekonomi daripada melibatkan diri dengan kegiatan berpolitik.

## BAB III

### ORGANISASI SOSIAL

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan melihat organisasi sosial kampung ini, dengan menumpukan kepada sistem kekeluargaan dan kekerabatan, kegiatan keagamaan, persatuan serta politik dan kepimpinan.

Hubungan kekeluargaan dan kekerabatan, yang kemudiannya diperkukuhkan dengan ikatan tinggal sekampung, dapat membina perhubungan yang erat di antara kelompok tani seperti yang pernah ditegaskan oleh Wan Abdul Kadir Yusoff iaitu "kekuatan perhubungan itu semakin erat apabila ikatan itu diasaskan kekerabatan" (1985: 194). Kehidupan beragama pula membina nilai-nilai dan prinsip hidup yang luhur serta dapat mengekalkan hubungan baik di antara satu sama lain. Hubungan ini merupakan sesuatu keperluan yang penting dalam agama. Bantu membantu antara seorang dengan seorang yang lain adalah dituntut oleh agama. Bantuan dan sumbangan yang perlu dihulurkan demi kebaikan bersama.

Persatuan serta politik dan kepimpinan juga membawa kepada kehidupan bermasyarakat bertambah kuat dan bergerak di atas landasan-landasan sebagaimana yang dikehendaki oleh norma-norma dan nilai-nilai yang ditentukan oleh komuniti. Walaupun terdapat sedikit sebanyak konflik sosial disebabkan fahaman politik berbeza, tetapi tidak membawa kepada kehancuran semangat kekitaan.



Oleh yang demikian, prinsip-prinsip inilah yang mewujudkan kehidupan bermasyarakat di kampung. Mereka saling bergantung dalam menghadapi masalah sosial yang muncul di kalangan mereka. Faktor yang membawa kepada penyatuan dan pengelompokan ini juga berasaskan kepada ciri-ciri sub-budaya yang sama. Dalam pada itu, anggota-anggota dalam kelompok sosial dapat mewujudkan institusi sosial yang erat.

### 3.2 Keluargaan dan Kekerabatan

Komuniti tani di sini mempunyai struktur kekeluargaan dwi-nisab. Individu dihubungkan pertalian mereka sama beratnya di antara keluarga sebelah bapa dan sebelah ibu. Dalam sistem kekeluargaan pula, penekanan diberikan adalah di kedua pihak ibubapa, dengan pewarisan disusur-galurkan kepada kedua ibubapa mereka.

Sebahagian besar penduduk di kampung ini berasal dari satu jurai keturunan yang sama. Dengan demikian mereka selalu menganggap diri mereka sebagai saudara di antara satu sama lain. Sebagaimana dijelaskan oleh J. Djamour bahawa struktur keluarga adalah;

"As a group of people live the same house  
and engage in a large common activities  
as well as sharing a common budget."  
(1965: 53)

Keluarga merupakan satu kelompok yang perhubungan di antara anggota-anggotanya adalah paling rapat. Sesebuah keluarga

mengalami peringkat perkembangan yang tertentu. Sebuah keluarga asas akan menjadi keluarga besar bila ia ditambah oleh anggota baru seperti menantu dan cucu. Bila sebuah keluarga asas telah mengalami kekurangan anggotanya seperti kematian suami atau isteri, keluarga asas ini akan menjadi keluarga tirus.

Jadual 1

Bentuk-Bentuk Rumahtangga Di Kampung Lalang

Bentuk-Bentuk	Bilangan	%
Keluarga Asas	33	73.3
Keluarga Bersekutu	4	8.5
Keluarga Tirus	5	9.1
Keluarga Besar	5	9.1
JUMLAH	47	100

Sumber: Data-data dari soalselidik<sup>1</sup>

Pada umumnya rumahtangga di kampung ini terdiri daripada keluarga asas, iaitu seorang bapa, ibu dan anak-anak. Ada di antara mereka yang mengambil anak angkat dan tinggal bersama mereka.

Perhubungan di antara ayah dan anak-anak amat rapat sekali.

Ayah merupakan ketua dalam rumahtangga dan sebagai punca pencarian nafkah. Anak-anak pula lebih memberi perhatian kepada ibu mereka, kerana takut dan segan terhadap bapa. Sementara itu, bapa tidak berpeluang bermanja-manja dengan anak-anak mereka kerana banyak

<sup>1</sup>Jadual berikut yang tidak dinyatakan sumbernya adalah dipetik dari sumber yang sama.



masa dihabiskan di sawah-sawah padi. Ayah merupakan pendorong yang kuat dari segi pendidikan akademik dan juga pendidikan Islam.

Di bidang pertanian, seorang ayah dibantu oleh isteri dan anak-anaknya. Anak-anak memberi pertolongan sebagai kerja sambilan sahaja. Pendapatan ayah merupakan pendapatan utama pada seluruh ahli keluarga, kecuali bila anak-anak mereka bekerja di luar daripada bidang pertanian. Pendapatan anak itu adalah hak anak itu sendiri.

Keluarga bersekutu terdiri daripada keluarga asas dan beberapa keluarga asas lain yang menetap dalam sebuah rumah. Keluarga lain itu terdiri daripada satu atau lebih keluarga yang terdiri dari anak-anak mereka yang telah berkahwin dan bersama-sama dengan cucu mereka. Dalam sebuah keluarga bersekutu, ketua keluarga adalah bapa ataupun mertua salah seorang yang baru kahwin. Jika anak atau menantunya memberi pertolongan dalam bidang pertanian, maka hasil pertanian itu adalah dibahagi dua, iaitu separuh untuk bapa dan separuh lagi untuk anak ataupun menantunya.

Keluarga tirus pula terbentuk disebabkan berlakunya perpisahan di antara suami dan isteri sama ada kematian ataupun perceraian. Dalam keluarga tirus ini soal mencari nafkah bergantung kepada ketua keluarga itu sendiri, sama ada janda atau duda. Kalau ketua keluarga itu adalah janda ia akan dibantu oleh anak-anaknya, terutamanya anak lelaki. Sekiranya ia tidak mempunyai anak lelaki, beliau boleh meminta pertolongan saudara dekat atau jiran sebelah rumah pada masa-masa tertentu dalam kegiatan pertanian.

Keluarga besar adalah terdiri daripada beberapa buah keluarga asas yang berasal dari jurai keturunan yang sama dan tinggal di dalam satu kawasan yang sama. Penempatan berkelompok ini wujud kerana kebanyakan daripada mereka yang baru kahwin itu mendirikan rumah di sebelah rumah bapanya. Mengikut Wan Hashim, perkara seperti ini berlaku adalah disebabkan oleh:

1. Kemahuan ibubapa supaya anak-anak menjaga mereka apabila sudah tua.
2. Tanah yang mereka diduduki oleh ibubapa merupakan pusaka yang bakal diwarisi oleh anak-anak mereka sendiri. (1984: 137)

Dalam bidang pertanian, mereka saling bantu membantu di antara satu sama lain. Institusi berderau merupakan satu bentuk yang perlu dalam membuat kerja-kerja menuai padi. Oleh yang demikian, keluarga besar senang mendapat bantuan daripada buruh berkenaan. Penggunaannya adalah sebagai tambahan buruh isirumah.


Dalam upacara-upacara keramaian, mereka tidak perlu lagi memanggil orang lain untuk membuat kerja-kerja yang perlu untuk menjalankan majlis berkenaan. Orang-orang kampung hanya dipanggil untuk meraikan sahaja majlis tersebut.

Dalam komuniti ini, keluarga merupakan unit ekonomi, iaitu sebagai faktor pengeluaran dan penggunaan. Lebih ramai anggota keluarga maka lebih tinggi pengeluarannya seterusnya lebih tinggi penggunaannya. Keluarga besar, walaupun kadang-




RAJAH 1

Struktur Keluarga Bersekutu




RAJAH 2

Struktur Keluarga Tirus



- $\triangle$  = Lelaki
- $\bigcirc$  = Perempuan
- $+$  = Kahwin

RAJAH 3  
Struktur Keluarga Besar



△ = Lelaki

○ = Perempuan

⊕ = Kahwin



kadang susah untuk memenuhi keperluan asas seperti makan, minum, pakaian dan tempat kediaman, tetapi dapat mengatasi kerana keanggotaan keluarga itu digunakan sebagai faktor pengeluaran mereka.

Ikatan persaudaraan di kampung ini agak kuat. Hubungan ini bukan sahaja dibina atas asas kekeluargaan yang sama tetapi ia melibatkan seluruh komuniti kampung. Keadaan di sini sama dengan apa yang ditegaskan oleh Hammudah Abd. Al Ati, iaitu;

"... tidak saja diperkukuhkan institusinya oleh hubungan kekeluargaan saja. Tapi juga berkaitan dengan keadaan anggota masyarakat besar dalam sebuah sistem sosial yang besar pula. Sistem sosial itu berjalan menurut tantanan seagama" (1985: 31).

Dalam organisasi keluarga terdapat berbagai-bagai istilah kekerabatan yang sering digunakan untuk merujuk atau memanggil anggota-anggota keluarga. Seperti waris, ibubapa, adik-beradik bapa, adik-beradik ibu, kakak atau abang, sepupu dan lain-lain lagi. Istilah-istilah yang digunakan agak jelas seperti 'bapa' yang merujuk kepada ketua rumahtangga dalam sesebuah keluarga asas. Istilah yang agak kabur pula seperti 'bapa saudara', 'emak saudara' dan 'anak saudara' kerana merujuk kepada orang ramai. Walaupun terdapat kekaburan dalam penggunaan istilah kekerabatan ini, tetapi ia dapat diatasi dengan menggunakan berbagai-bagai istilah berdasarkan kepada status umur dalam keluarga yang sama.

Namun begitu, terdapat istilah yang digunakan dalam keluarga asas berdasarkan kepada nama anak untuk memanggil suami. Sebagai contoh, isteri memanggil nama suaminya 'ayah Mamat', di mana Mamat itu adalah nama anaknya. Lazimnya mereka merujuk kepada nama anak sulung. Istilah sedemikian lazimnya digunakan oleh isteri atau adik iparnya yang sudah tua.

Istilah lain pula seperti 'alung', 'angah' dan 'adik' merupakan panggilan tiga orang adik-beradik dari sebuah keluarga yang sama. Penggunaan istilah 'abang' atau 'adik' merujuk kepada keluarga yang mempunyai dua orang anak. Kadang-kadang ibubapa mereka telah menggunakan istilah ini untuk memanggil anak-anak mereka.

Perbezaan istilah juga terdapat di antara satu keluarga dengan keluarga yang lain berdasarkan kepada perbezaan umur ketua keluarga. Sebagai contoh, jika ketua keluarga itu terdiri daripada golongan tua, panggilan anak terhadap ibubapa mereka adalah seperti 'emak' dan 'cik' manakala golongan muda pula memanggil ibubapa mereka seperti 'ibu' atau 'emak' dan 'ayah' atau 'abah'.

Pada umumnya, panggilan di kalangan anak-anak dalam keluarga asas berdasarkan kepada faktor jantina dan umur. Jadi sistem panggilan ini dapat membezakan kedudukan mereka sama ada lebih tua atau lebih muda dalam keluarga yang sama.

Bolehlah dikatakan bahawa perhubungan di antara mereka bukan sahaja terbatas kepada anggota-anggota kelompok rumahtangga,



tetapi meliputi juga mereka yang tinggal berjauhan di antara satu sama lain. Mereka juga tidak hanya bergantung kepada faktor kekerabatan sahaja tetapi kepada masyarakat yang lebih luas.

### 3.3 Kegiatan Keagamaan

Masjid terletak di Kampung Kubang Dapat. Ia merupakan pusat perhimpunan penduduk dalam enam buah kampung di Mukim Lalang. Fungsinya adalah berkaitan dengan hal-hal agama seperti sembahyang berjemaah lima waktu, sembahyang Jumaat, sembahyang terawih, bertahlil, menyambut Maulud Nabi (S.A.W.) dan berzanji serta lain-lain lagi. Kadangkala masjid sebagai tempat perhimpunan badan dakwah di luar daripada kampung ini. Masjid ditadbirkan oleh satu jawatankuasa masjid yang terdiri daripada imam tua, imam muda dan seorang bilal.

Tugas-tugas imam juga mempunyai kaitan dengan masjid, seperti sebagai ketua (imam) sembahyang berjemaah serta tugas-tugas lain seperti pemungut zakat harta benda, zakat fitrah dan lain-lain lagi.

Imam dipandang tinggi oleh komuniti kampung ini, kerana mereka terdiri daripada orang yang kuat beragama. Imam juga sebagai guru mengajar al-Quran dan pada masa-masa upacara perkahwinan, imam ditugaskan sebagai wakil wali bagi pihak bapa bakal pengantin perempuan. Bakal pengantin perlu mendaftar di rumah imam seminggu sebelum upacara akad nikah dijalankan. Ini kerana imam perlu menyiasat terlebih dahulu kedua-dua bakal pengantin tersebut.

Kadang-kadang upacara akad nikah ini diadakan di masjid.

Masjid bukan sahaja suatu tempat yang digunakan untuk hal-hal yang berkaitan dengan agama, tetapi ia juga digunakan untuk hal-hal yang tidak berkaitan dengan agama, misalnya untuk menghebahkan tarikh permulaan menanam padi, tarikh pembahagian baja subsidi, tarikh mesyuarat persatuan dan juga kedatangan pentadbir daerah ke kampung ini. Jadi segala yang berkaitan dengan hal-hal dalam kampung ini diberitahu dalam masjid. Pada umumnya menghebahkan hal-hal tersebut adalah pada hari Jumaat sahaja, iaitu sebelum daripada sembahyang Jumaat.

Masjid juga dijadikan tempat menghebah serta menjemput ke majlis-majlis kenduri kendara seperti bercukur, perkahwinan, menyambut menantu dan sebagainya. Tuan rumah yang mengadakan upacara sedemikian akan tampil ke hadapan dan menghebahkan kepada ahli jemaah tersebut.

Dalam masjid, jemaah tidak diikat dengan susunlapis masyarakat. Mereka adalah sama taraf di antara satu sama lain. Dengan demikian, mereka diikat dengan persaudaraan Islam serta membentuk ummah yang bersatupadu. Lanjutan daripada inilah mereka hidup bersama secara kolektif seperti tolong menolong, gotong-royong dan seumpamanya.

Masjid juga berfungsi sebagai tempat persidangan yang membincangkan hal-hal berkaitan dengan kampung, seperti hukum-hukum agama dan juga keadilan sosial. Dalam perbincangan ini mereka



dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam komuniti mereka. Oleh yang demikian, segala punca masalah yang timbul itu dapat disimpulkan dalam majlis 'syura' tersebut.

Kegiatan keagamaan yang dijalankan di dalam masjid memberi kesan di dalam kehidupan mereka. Kegiatan keagamaan ini menanamkan ikatan bersatupadu dan bertolak-ansur di antara jemaah. Mereka juga menegakkan rukun iman dan rukun Islam sehingga melahirkan taqwa seluruh jemaah tersebut.

Oleh yang demikian, masjid adalah pusat beribadat dan dalam masa yang sama juga sebagai tempat menjalinkan persahabatan sesama mereka. Kerana di sini mereka dapat bersua muka secara dekat di antara satu sama lain. Pada hari-hari yang lain, iaitu selain daripada hari Jumaat mereka sibuk dengan kerja masing-masing. Jadi pada hari ini, seluruh penduduk kampung ini dapat bertemu muka dengan penduduk-penduduk kampung lain di Mukim Lalang.

Madrasah pula adalah tempat beribadat yang kedua daripada masjid. Fungsi madrasah hanyalah tertumpu kepada penduduk dalam sesebuah kampung sahaja. Kampung Lalang mempunyai dua buah madrasah yang berdekatan di antara satu sama lain, seperti mana yang disebut terdahulu daripada ini.

Madrasah memberikan pendidikan agama kepada anak-anak petani di sini. Pendidikan yang dimaksudkan itu adalah seperti belajar bersembahyang, al-Quran dan hukum-hukum agama serta lain-lain lagi. Dengan ini madrasah didirikan sehaluan dengan

aspirasi komuniti tani ini, ia telah memberikan tumpuan kepada tradisi tempatan.

Nilai-nilai hidup dalam komuniti tani seperti hormat menghormati, bertimbang rasa, jujur, sabar, bertolak ansur dan peramah ditekankan di madrasah. Kanak-kanak belajar di madrasah ini ditekankan dengan nilai-nilai berkenaan, menokok-tambah pembelajaran di rumah-rumah.

Madrasah juga sebagai tempat yang dapat mengawal permodenan yang tidak berlandaskan Islam, seperti berpakaian menjolok mata, berambut panjang dan sebagainya. Kerana di sini kaum lelaki dan wanita diasuh supaya berpakaian yang tidak mendedahkan aurat. Begitu juga madrasah sebagai tempat untuk mengelakkan daripada generasi Islam yang akan datang supaya tidak menjadi golongan 'Islam keturunan' sahaja, yang tidak tahu dengan hukum hakam agama.

Madrasah bukan berfungsi dari segi agama sahaja, tetapi ia kadangkala digunakan sebagai tempat jamuan majlis-majlis kenduri dan diselitkan dengan ceramah-ceramah politik, bila pemimpin parti dijemput dalam majlis berkenaan. Madrasah juga dijadikan tempat perkumpulan umum untuk membincangkan mengenai kegiatan pertanian, masalah harian dan lain-lain lagi. Perbincangan-perbincangan biasanya dilakukan selepas daripada sembahyang.

Sebagai tempat perhimpunan penduduk kampung, ia akan mengeratkan jalinan persahabatan di antara mereka yang berasaskan



kepada agama yang sama. Jika terdapat perselisihan di antara mereka, di madrasah inilah mereka akan bertegur sapa. Dengan demikian, konsep kekitaan dan setiakawan dapat dijalankan serta beramah mesra di antara penghuni kampung ini.

Madrasah merupakan sebahagian daripada sistem sosial dalam komuniti tani, sebahagian daripada organisasi yang kompleks, satu sistem dan kebudayaan yang lebih besar.

Masjid dan madrasah hanya dikunjungi oleh pengikut jemaah tabligh yang kebanyakannya terdiri daripada golongan tua. Hal yang demikian terjadi disebabkan kekurangan tenaga muda yang sebahagian besarnya berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Walaupun demikian, masjid dan madrasah memainkan peranan penting sebagai badan dakwah.

### 3.4 Persatuan

Lebih daripada separuh penduduk kawasan ini menyertai persatuan-persatuan yang telah ditubuhkan. Seramai 30 orang dari 55 ketua keluarga menyertai persatuan-persatuan. Di kampung ini terdapat beberapa persatuan. Di antaranya adalah:

1. Persatuan Peladang
2. Persatuan Belia
3. Syarikat Kerjasama
4. Jawatankuasa Kemajuan Kampung

### 1. Persatuan Peladang

Persatuan Peladang kampung ini ditubuhkan pada tahun 1977 dan mempunyai seramai 28 ahli yang berdaftar pada tahun 1990. Lebih separuh daripada ketua keluarga kampung ini menyertai persatuan tersebut. Persatuan ini dapat mengeratkan lagi perhubungan antara penduduk kampung dengan pihak PPK Alor Mas, yang mana di antara ahli persatuan ini akan dipilih menjadi wakil (ahli perwakilan) untuk menyertai Mesyuarat Tahunan Jemaah Pengarah PPK Alor Mas. Dalam persatuan ini, mereka dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi mereka. Dengan demikian, mereka dapat mengeratkan perhubungan antara satu sama lain seperti apa yang dikatakan oleh Afifuddin Hj. Omar (1973) iaitu Persatuan Peladang dapat memupuk perpaduan di kalangan masyarakat tani.

### 2. Persatuan Belia

Gerakan organisasi belia negara ada empat peringkat, iaitu peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat tempatan. "Dalam struktur pergerakan berorganisasi belia negara ini persatuan dan kelab-kelab di peringkat tempatan inilah yang menduduki hierarki pengelolaan paling rendah" (Hussain Mohamed: 1985: 108). Di Mukim Lalang terdapat dua persatuan belia, iaitu Persatuan Belia 4B Che Mat Ali dan Persatuan Belia 4B Bayu Lalang. Penduduk Kampung Lalang menyertai Persatuan Belia 4B Che Mat Ali. Persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1972 dan mempunyai ahli seramai 93 orang serta beribu pejabat di Pejabat Belia Jajahan



Pasir Mas.

Keahlian persatuan ini bukan sahaja terhad kepada sebuah kampung, tetapi ia merangkumi dua buah kampung, iaitu Kampung Che Mat Ali dan Kampung Lalang.

### 3. Syarikat Kerjasama

Syarikat Kerjasama di kampung ini ditubuhkan pada tahun 1956, yang merupakan badan organisasi sosial yang terawal sekali. Tetapi pada tahun 1970an Syarikat Kerjasama ini telah mengalami masalah kewangan dan terpaksa memberhentikan operasinya.

Syarikat Kerjasama ini mempunyai ahli seramai 160 orang dan di bawah kelolaan pihak KADA. Pada tahun 1990, pengerusi Syarikat Kerjasama ini cuba menghidupkan semula aktiviti-aktiviti badan ini. Semasa kajian ini dibuat syarikat ini sedang berdiri dan memperbesarkan kilang padi yang telah sedia ada. Mengikut pengerusinya, seorang guru sekolah, syarikat akan beroperasi semula setelah siap pembinaan dan pembaikan kilang padi tersebut.

### 4. Jawatankuasa Kemajuan Kampung

Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung (AJKK) terdiri daripada 15 orang, dan dipengerusikan oleh Penghulu. Di bawahnya pula terdiri daripada tiga orang guru sekolah, tiga orang guru Kemas, tiga orang petani, seorang posmen, seorang bekas perajurit dan seorang daripada pekerja KADA.

Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini adalah untuk mengendalikan berkenaan dengan kesejahteraan masyarakat di kampung-kampung di Mukim Lalang. Dan bukannya seperti persatuan belia yang hanyalah dua buah kampung sahaja yang terlibat.

Apa yang dapat dilihat di sini adalah terdapatnya kecenderungan petani untuk memberikan sambutan yang positif terhadap penubuhan institusi yang dianjurkan oleh kerajaan, seperti Persatuan Peladang. Tetapi apa yang dapat dijelaskan di sini adalah kaum tani yang mempunyai kedudukan sosio-ekonominya lebih tinggi, lebih berupaya menerima sambutan apa yang dianjurkan oleh kerajaan itu.

Boleh dikatakan bahawa kesatuan yang ditubuhkan di sini bukannya ditumpukan keahliannya kepada satu kampung sahaja, tetapi kesatuan seperti Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama adalah merangkumi keahliannya di seluruh kampung di Mukim Lalang. Ini menunjukkan bahawa kesepakatan dan kerjasama bukan ditekankan di peringkat kampung sahaja, tetapi ia juga ditekan kepada di luar kampung mereka. Justeru itu, organisasi berkenaan akan memberikan satu ikatan yang kuat di antara mereka supaya bersatupadu dan bekerjasama dalam semua hal.

Persatuan-persatuan ini bukan sahaja merupakan satu unsur integrasi di antara mereka, tetapi juga dapat memberikan latihan dan dorongan kepada penduduk di kampung ini sebagai mengasah bakat kepimpinan serta meningkatkan kemajuan kampung.



### 3.5 Politik dan Kepimpinan

Kemunculan parti-parti politik mewujudkan integrasi dari satu pihak dan disintegrasi di pihak yang lain. Pengikut-pengikut parti mempunyai kumpulan-kumpulan yang tertentu dan tidak bersefahaman di antara pengikut parti politik yang berlainan ideologinya, berkemungkinan besar mewujudkan perselisihan kecil di antara pengikut-pengikut parti yang berlainan itu.

Parti PAS mempunyai pengaruh yang kuat di kampung ini, lebih-lebih lagi bila parti berkenaan telah bergabung dengan S.46 di bawah Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Ini terjadi kerana komuniti di sini mempunyai pegangan agama yang kuat. Parti PAS mendapat sokongan daripada golongan tua dan guru-guru agama kampung ini. Kemudiannya ada penyokong-penyokong UMNO yang keluar dari partinya memasuki parti S.46.

Orang-orang alim dan guru-guru agama mempunyai pengaruh yang kuat dan mempunyai hubungan yang rapat dengan masjid dan madrasah. Secara tidak langsung mereka dapat menyerapkan ideologi politik Islam kepada ahli-hali jemaah masjid dan madrasah ini. Jika penggunaan masjid dan madrasah itu sebagai tempat kepentingan parti melebihi kepentingan agama, ini boleh menyebabkan pemecahan kesatuan sosial dalam komuniti tani itu. Seterusnya membawa kepada krisis dalam komuniti kerana terdapatnya jemaah yang berpegang kepada ideologi yang berbeza.

Penyokong satu parti memberikan pandangan negatif terhadap penyokong parti lain. Ini akan menyebabkan pemecahan kecil berlaku apabila tibanya musim pilihanraya, kerana setiap penyokong cuba menegakkan ideologi parti masing-masing. Mereka cuba menarik lebih ramai penyokong ke dalam partinya. Peranan ini terutamanya dimainkan oleh Penghulu kerana beliau adalah orang yang berpengaruh dalam sesebuah kampung.

Kuasa Penghulu adalah di peringkat terbawah sekali, iaitu di bawah daripada kuasa penggawa. Penghulu dilantik berasaskan kepada sebuah mukim, dan di bawahnya pula terdiri daripada 12 orang AJKKK. Peranan Penghulu di peringkat kampung tidak begitu berpengaruh jika dibandingkan dengan zaman tradisional. Peranan ini sedikit sebanyak berpindah tangan kepada ahli-ahli politik. Peranan Penghulu juga semakin menurun setelah wujudnya tokoh-tokoh lain yang lebih berpengaruh seperti imam, guru-guru agama, guru-guru sekolah dan lain-lain lagi. Walaupun kuasa Penghulu semakin menurun setelah timbulnya golongan yang lebih berpengaruh, Penghulu adalah penghubung di antara pihak kerajaan dengan rakyat. Penghulu juga berkhidmat kepada wakil rakyat dan pentadbir lebih daripada menjaga kebajikan anak buahnya.

Parti-parti politik dikatakan membawa perubahan ekonomi dalam sesebuah kampung, terutamanya UMNO. Parti ini telah mengurangkan darjah kemiskinan di kalangan penduduk kampung, kerana adanya rancangan-rancangan yang tertentu seperti Rancangan Pembangunan Luar Bandar.



Jadual 2  
Orang-Orang Yang Berpengaruh  
Dalam Kampung Lalang

Jenis	Bilangan	%
Penghulu	20	36.4
Imam/Guru Agama	18	32.7
Guru	8	14.5
Orang Politik	6	10.9
Kakitangan Kerajaan	3	3.3
JUMLAH	55	100

Golongan-golongan yang berpendidikan merupakan golongan yang lebih rapat dengan pemimpin-pemimpin parti, kerana mereka lebih terdedah dengan dunia luar. Sebaliknya, para petani hanya tertumpu kepada politik setempat.

Oleh yang demikian dapatlah dikatakan bahawa parti politik merupakan suatu organisasi yang efektif untuk menyalurkan kepentingan kepada komuniti tani, seperti jalanraya, air paip dan seumpamanya, kerana penduduk boleh membuat permohonan melalui wakil rakyat.

Politik dan agama tidak dapat dipisahkan kerana keduanya saling berkaitan antara satu sama lain. Mereka patuh kepada ajaran-ajaran Islam dan membentuk integrasi sosial yang erat di antara mereka. Ini telah melahirkan sikap kerjasama seperti tolong menolong dan gotong royong sesama mereka. Walaupun

terdapat perselisihan di dalam ideologi politik, perkara tersebut berlaku di waktu hampir dengan pilihanraya sahaja. Politik tani tidak membawa unsur-unsur perpecahan yang jelas kerana mereka mempunyai ikatan persaudaraan Islam yang kuat.

### 3.6 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa komuniti tani di sini mempertahankan dan memperkukuhkan identiti komuniti melalui unsur-unsur dalaman seperti kekeluargaan dan kekerabatan, kegiatan keagamaan, persatuan serta politik dan kepimpinan. Prinsip-prinsip ini melahirkan perpaduan dan semangat setiakawan dalam hidup bermasyarakat.



## BAB IV

### SUSUNAN DAN ORGANISASI EKONOMI

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan susunan dan organisasi ekonomi Kampung Lalang. Perbincangan ini meliputi soal-soal pekerjaan, pemilikan tanah, sistem sewa menyewa, pengerjaan tanah, kerja sambilan, pemasaran, pendapatan dan perbelanjaan.

Pertanian merupakan sektor ekonomi yang penting bagi Kampung Lalang. Walaupun setengah penduduk mempunyai kerja-kerja bukan pertanian, mereka secara tidak langsung melibatkan diri dengan tanah. Tanaman utama di sini ialah padi. Terdapat dua kaedah penanaman padi. Pertama padi cedung dan kedua padi secara tabur terus. Penanaman padi secara tabur terus adalah menanam padi dengan menabur benih-benih padi di petak-petak sawah yang telah disediakan dan dibiarkan benih-benih padi itu sehingga boleh dituai. Kaedah ini tidak seperti kaedah penanaman padi secara mencedung yang memerlukan anak semai dialihkan dari tapak semaian ke petak-petak sawah. Kaedah tabur terus itu dapat mengurangkan kos pengeluaran dan masa untuk menanam padi tersebut. Lagi pula, hasil keluarannya lebih tinggi daripada padi cedung. Apa yang merumitkan kaedah ini ialah ia memerlukan penjagaan dan pengawalan yang rapi sehingga padi itu boleh dituai.

Di Kampung Lalang kegiatan penanaman padi dua kali setahun sudah lama dijalankan. Tetapi kadangkalanya tanaman

padi luar musim tidak berjalan dengan lancar. Ada ketika, oleh kerana kekurangan air untuk disaliri ke dalam sawah padi, petani-petani terpaksa menangguhkan tarikh penanamannya. Kawalan air di bawah kelolaan petani sendiri. Kekurangan air di musim menanam ini menyebabkan petani mengubah jadual yang telah ditetapkan oleh pihak KADA. Jadi pengubahan penjadualan ini menyebabkan penanaman padi agak lewat dan adakalanya terpaksa ditangguhkan. Selain daripada faktor kekurangan air, sikap petani juga mempengaruhi masa menanam yang telah ditetapkan oleh pihak KADA. Antara pertimbangan-pertimbangan yang menyebabkan mereka menangguhkan tarikh menanam adalah seperti berikut:-

1. Petani cuba melambatkan menanam padi supaya petani lain menanam terlebih dahulu. Ini ialah kerana ada yang mempercayai bahawa kalau mereka menanam lebih awal daripada petani lain maka berkemungkinan besar padi mereka akan rosak. Oleh itu, mereka menunggu orang lain untuk memulakan kerja mereka terlebih dahulu.
2. Petani yang mempunyai kerja selain daripada menanam padi. Kerja itu adalah lebih menguntungkan daripada padi. Kerja-kerja itu seperti tukang rumah, berkebun, terutamanya di luar daripada kampung ini, dan juga menjadi buruh kasar di bandar-bandar. Mereka mengerjakan kegiatan penanaman padi untuk keperluan sendiri dan jika terdapat sedikit lebihan simpanan



daripada musim akan datang barulah mereka menjual keluaran mereka itu. Jadi kebanyakan daripada mereka tidak mematuhi jadual yang telah ditetapkan oleh pihak KADA.

Menanam padi tidak serentak ini seringkali berlaku di kalangan petani di kawasan ini. Perkara tersebut berlaku di Kampung Lalang, tetapi tidak pula berlaku di Kampung Baloh Raja. Di Kampung Baloh Raja, penduduknya menanam padi sebagai sumber ekonomi mereka. Walaupun demikian, sekali sekala terdapat juga kelewatan, terutamanya padi luar musim, disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan seperti kekurangan air di sawah atau kerana terpaksa menunggu jentera untuk membajak tanah mereka.

Keluasan tanah terbiar di Kampung Lalang bagi tanaman padi, dusun dan getah adalah 146 ekar mengikut banci 1985. Mengikut definisi yang telah diberikan oleh pihak KADA, "tanah terbiar adalah tanah padi yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut" (Jamil Yaacob, 1984: 219). Oleh yang demikian, tanah yang terbiar dalam beberapa musim itu jika diusahakan mempunyai potensi yang tinggi dalam pengeluaran padi. Jadi kawasan ini telah menjadi tumpuan pihak KADA untuk memulihkan tanah tersebut. Pemulihan tanah terbiar di Kampung Lalang telah dijalankan pada tahun 1988. Pemulihan tanah terbiar ini telah dibantu oleh pihak PPK Alor Mas.

Padi sesuai ditanam di sini kerana terdapatnya tanah lumpur yang agak rata dan dapat menakung air, terutamanya di musim

menanam, dan terdapat satu jalinan taliair untuk memasukkan air ke sawah serta empat jalinan taliair untuk membuang air dari sawah-sawah, seperti mana telah disebut dalam Bab II.

#### 4.2 Jenis Pekerjaan

Pekerjaan penduduk Kampung Lalang boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pekerjaan utama dan pekerjaan sampingan. Bagi mereka yang menjalankan kegiatan pertanian sebagai pekerjaan utama maka kerja sampingannya adalah seperti bertukang, menarik beca, buruh kasar dan mengambil upah di tanah orang lain. Manakala bagi mereka yang makan gaji sebagai pekerjaan utama, maka kegiatan pertanian merupakan kerja sampingan.

Dalam sesebuah keluarga responden yang dikaji, terdapatnya anak-anak mereka sama ada belum bersekolah, masih bersekolah, bekerja (petani dan lain-lain) atau tidak bekerja. Anak-anak mereka yang tidak bekerja ini terdiri daripada mereka yang belum bersekolah, masih bersekolah dan baru tamat persekolahan. Walaupun anak-anak yang masih bersekolah menolong dalam kerja-kerja sawah ketika cuti sekolah, tetapi ia merupakan kerja yang sementara sahaja.

Terdapat beberapa orang gadis kampung ini yang bekerja di restoran di Pasir Mas. Memandangkan kesempitan hidup, ibubapa mereka terpaksa membenarkan mereka bekerja sedemikian. Di sini juga terdapatnya anak-anak responden yang bekerja sebagai guru, askar, buruh di bandar dan dengan badan-badan berkanun. Tidak



kurang juga setengah anak-anak responden yang berhijrah ke Singapura dan bekerja sebagai buruh binaan. Lazimnya mereka pergi ke Singapura selepas musim menanam, apabila jangkaan padi itu masak, mereka akan pulang dan membantu kerja-kerja pertanian ibubapanya. Responden terpaksa melepaskan anak-anak mereka kerana memandangkan keperluan anak-anak mereka tidak dapat dipenuhi oleh mereka.

Jadual 3  
Pembahagian Anak-Anak Tinggal Di Kampung  
Mengikut Apa Yang Mereka Lakukan

	Lelaki	%	Perempuan	%
Belum Bersekolah	27	26.5	24	31.6
Masih Bersekolah	46	45.1	37	48.7
Bekerja (Petani dll.)	16	15.7	5	6.6
Tidak Bekerja	13	12.7	10	13.1
JUMLAH	102	100	76	100

Di kalangan responden sendiri pula, kira-kira 80% daripada ketua keluarga di sini melaporkan pernah bekerja di Singapura sebagai buruh binaan. Penghijrahan mereka ini kerana desakan hidup yang berpunca daripada ketidakcukupan hasil yang diperolehi daripada padi. Manakala 2 orang daripada responden telah tamat perkhidmatannya dengan kerajaan dan terpaksa menumpukan sepenuhnya kepada kerja pertanian. Ini kerana wang pencen yang diterima setiap bulan tidak mencukupi untuk menampung hidup sekeluarga.

Kerja-kerja menoreh getah di kampung ini pula hanyalah dilakukan oleh isteri-isteri responden sahaja. Cuma terdapat 2 orang sahaja isteri responden yang menjalankan kerja-kerja menoreh getah. Kerja-kerja ini hanyalah sebagai kerja sampingan untuk menampung pendapatan yang diperolehi daripada hasil padi.

Berdasarkan jenis pekerjaan yang mereka lakukan, penduduk kampung ini seluruhnya boleh dibezakan kepada sama ada pekerja makan gaji atau pekerja sendiri. Mereka yang makan gaji berkhidmat dengan kerajaan dan badan-badan berkanun. Mereka mendapat gaji tiap-tiap bulan. Dengan demikian kedudukan ekonomi mereka adalah lebih terjamin berbanding dengan mereka yang tidak makan gaji.

Mereka yang bergaji ini, boleh dibezakan mengikut pangkat dan jenis pekerjaan masing-masing. Berdasarkan kepada faktor-faktor ini kita boleh membahagikan mereka kepada beberapa golongan utama. Pertama, ialah golongan yang bergaji rendah seperti imam, guru agama dan buruh majlis daerah. Mereka ini memperolehi pendapatan kurang daripada \$350.00 sebulan. Kedua, ialah golongan yang bergaji sederhana yang memperolehi pendapatan di antara \$350.00 hingga \$700.00 sebulan, terdiri daripada kakitangan KADA, kakitangan JKR, kakitangan PERNAS, kakitangan Jabatan Ukur dan kakitangan Perhutanan. Ketiga, golongan yang bergaji tinggi termasuklah guru sekolah dan askar yang memperolehi pendapatan lebih daripada \$700.00 sebulan.



Golongan yang tidak bergaji pula sebilangan daripada mereka adalah pengeluar pertanian, seperti bersawah. Mereka juga memperoleh pendapatan yang berbeza di antara satu sama lain. Faktor utama yang menyebabkan perbezaan ini adalah saiz pemilikan tanah dan modal yang digunakan untuk pengeluaran tersebut.

Mereka yang memiliki tanah yang luas memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Sebaliknya, mereka yang mempunyai saiz tanah yang kecil memperoleh pendapatan yang rendah. Oleh yang demikian, petani juga boleh dibahagikan kepada dua golongan, iaitu petani berada dan petani miskin.

Oleh kerana pendapatan di antara petani dengan mereka yang berpendapatan tetap agak berbeza, maka secara umumnya gaya hidup mereka juga berbeza. Golongan yang bergaji, mampu membina rumah yang agak besar dan dilengkapi dengan perabot-perabot moden dan barang-barang mewah seperti kereta serta barangan separuh mewah seperti peti televisyen, dapur gas dan lain-lain lagi.

Begitu juga dengan petani yang memiliki tanah dan faktor pengeluaran. Gaya hidup mereka hampir-hampir sama dengan orang-orang bergaji tinggi. Sebaliknya, petani-petani miskin tidak dapat meniru gaya hidup petani berada dan orang-orang berpendapatan tetap.

Golongan petani miskin merupakan golongan yang teramai berbanding dengan petani berada. Namun demikian, kampung ini bukannya sebuah perkampungan yang mundur. Tetapi kampung ini telahpun

diresapi oleh teknologi moden dalam bidang pertanian. Apa yang menyebabkan lebih ramai petani miskin berbanding dengan petani berada ini adalah kerana mereka tidak memiliki tanah yang luas untuk dikerjakan.

Jadual 4  
Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut  
Jenis Pekerjaan Utama

Jenis Pekerjaan	Bilangan	%
Pertanian	41	74.7
Bukan Pertanian		
Guru	1	1.8
Guru Agama	1	1.8
Peniaga	3	5.5
Imam	1	1.8
Askar	1	1.8
Buruh Majlis Bandaran	2	3.6
Kakitangan KADA	1	1.8
Kakitangan PERNAS	1	1.8
Kakitangan JKR	1	1.8
Kakitangan Jabatan Ukur	1	1.8
Kakitangan Perhutanan	1	1.8
JUMLAH	55	100

Daripada 55 ketua keluarga di kampung ini, terdapat 14 orang (25.3%) yang terlibat dengan aktiviti bukan pertanian



sebagai pekerjaan utama dan selebihnya pula terlibat dengan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama.

Walaupun mereka ini terlibat dengan aktiviti bukan pertanian secara tetap tetapi dalam masa yang sama juga mereka itu penanam padi. Sebagai contohnya, seorang guru mengajar di sekolah di waktu pagi dan sebelah petangnya pula mengerjakan sawah. Oleh yang demikian, pengerjaan tanah itu merupakan kerja yang kedua kepada mereka yang makan gaji. Oleh itu, di sini tidak terdapat tuan-tuan tanah tidur yang hanya menerima sewaan daripada petani lain dalam kampung ini.

Selain daripada perkhidmatan kerajaan, terdapat juga mereka yang bekerja dengan badan-badan berkanun dan perniagaan. Secara tak langsung mereka melibatkan diri dalam bidang pertanian ini. Tetapi apa yang membezakan mereka dengan lain-lain petani adalah mereka lebih kukuh dari segi kedudukan ekonomi. Jadi dengan pendapatan yang stabil ini mereka boleh menggunakan buruh upahan di masa-masa yang tertentu.

Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa penduduk kampung ini terbahagi kepada beberapa kumpulan tertentu yang berasaskan kepada pekerjaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi, pendapatan dan pemilikan tanah. Bagi mereka yang bergantung kepada pertanian, pendapatan mereka pada umumnya ditentukan oleh saiz pemilikan tanah, kesuburan hasil tanaman, cara pengeluaran dan lain-lain faktor pengeluaran. Mereka yang tidak bergantung

sepenuhnya kepada pertanian, pendapatan mereka ditentukan oleh jenis pekerjaan mereka.

#### 4.3 Pemilikan Tanah

Tanah merupakan sumber pendapatan yang penting kepada penduduk luar bandar. Tanah memberikan pekerjaan sebilangan besar penduduk. Tanah juga boleh membezakan di antara orang berada dengan orang yang tidak berada. Sebagaimana yang dinyatakan oleh J. Ratcliffe, tanah;

"... give man room for his own action, with the enjoyment of the heat, the air and the rain which nature assigns to the area: and it determines his distance from, and in great measure his relation to, other thing and other person" (1976: 11).

Pemilikan menjadi pengukuran kepada kedudukan seseorang dalam masyarakat luar bandar. Ini bermakna hubungan manusia dengan tanah amat rapat sekali.

Ketidaksamarataan dalam pemilikan tanah pertanian merupakan ciri-ciri utama pertanian di Kampung Lalang. Ada yang memiliki tanah tapak rumah tetapi tidak memiliki tanah pertanian. Di kalangan pemilik pula saiz pemilikan mereka juga berbeza. Jadi keadaan ini melahirkan bermacam-macam kategori petani seperti pemilik-pengerja, pemilik-penyewa-pengerja, penyewa dan pemawah.



Jadual 5

Taburan Pemilikan Tanah Mengikut Kategori

Kategori	Bilangan	%
Pemilik-Pengerja	14	25.5
Pemilik-Penyewa-Pengerja	18	32.7
Penyewa	21	38.2
Pemawah	2	3.6
JUMLAH	55	100

Kira-kira 47.0% daripada jumlah keluarga di kampung ini menyewa ataupun memawah tanah untuk mengusahakan kerja pertanian. Di kampung ini, tidak seperti di Bagan (S. Husin Ali, 1964) dan di Changkat Larang (Mazidah Zakaria, 1967), tidak wujud tuan-tuan tanah yang tidak mengerjakan tanah. Boleh dikatakan kesemua pemilik tanah di kampung ini mengerjakan sendiri tanah mereka. Walaupun ada seekor dua yang telah diberikan sewa kepada orang lain, tetapi mereka ini mempunyai ikatan kekerabatan yang dekat. Penyewa berkenaan tidak mampu untuk membeli tanah sendiri.

Oleh kerana kesemua pemilik mengerjakan tanah, petani yang tidak bertanah terpaksa berhijrah ke kampung lain untuk mengerjakan tanah. Sebagai contohnya, terdapat tiga orang (5.5%) daripada ketua keluarga di sini terpaksa menyewa tanah di Kubang Dapat dan Bayu Lalang.

Ada juga petani-petani yang menyewa tanah orang lain, terutama pemilik tanah yang berada di luar daripada kampung ini, kerana tanah yang dimiliki tidak cukup bagi menampung keperluan mereka.

Jadual 6  
Taburan Saiz Pemilikan Tanah

Saiz Pemilikan (Ekar)	Bilangan Keluarga	%	Keluasan Tanah (Ekar)	%
0.0 - 0.9	8	25.0	4.0	7.0
1.0 - 1.9	12	37.5	14.0	24.3
2.0 - 2.9	5	15.6	10.5	18.3
3.0 - 3.9	2	6.3	6.0	10.4
4.0 - 4.9	5	15.6	23.6	40.0
JUMLAH	32	100	57.5	100

Terdapat 28 orang (87.5%) yang memiliki tanah kurang daripada tiga ekar. Saiz pemilikan yang kecil ini tidak dapat menampung perbelanjaan harian mereka. Jadi 100% daripada pemilik tanah yang mempunyai saiz pemilikan yang kecil terpaksa menyewa tanah orang lain.

Kadar permintaan tanah yang terlalu tinggi memberikan kesan buruk kepada petani-petani kecil, kerana mereka tersisih daripada mendapatkan tanah disebabkan oleh harga sewa tanah yang melambung tinggi. Oleh yang demikian, mereka terpaksa memawah tanah daripada tuan tanah atau dari penyewa tanah yang lain.



Pemilikan tanah di kampung adalah melalui tiga cara  
iaitu:-

1. Pusaka
2. Belian
3. Berian/Hadiah

Tanah pusaka merupakan tanah yang diwarisi dari orang-orang tua atau suami mereka (Mazidah Zakaria, 1967). Pembahagian harta (tanah) yang diamalkan mengikut sistem faraid ini merupakan harta amat penting kepada orang Islam. Keluasan tanah yang diwarisi pada umumnya kecil kerana purata setiap individu memiliki tanah kurang daripada tiga ekar. Pemecahan tanah ini memperkecilkan lagi tanah yang sedianya kecil.

Jadual 7

Pembahagian Ketua Keluarga dan Milik Tanah  
Mengikut Cara Yang Diperolehinya

Cara Diperolehi	Bilangan Keluarga	%	Keluasan (Ekar)	%
Pusaka	22	68.8	43.0	74.8
Belian	6	18.8	11.5	20.0
Berian/Hadiah	4	12.4	3.0	5.2
JUMLAH	32	100	57.5	100

Memandangkan 68.8% pemilikan tanah diperolehi melalui cara pusaka, sistem warisan nampaknya memainkan peranan yang penting di Kampung Lalang. Daripada Jadual 7, bolehlah dirumuskan

bahawa perbezaan peratusan di antara pemilik tanah yang diperolehi secara warisan dengan cara belian adalah sebanyak 50.0% (68.8% - 18.8%). Manakala dengan cara hadiah pula adalah sebanyak 56.4% (68.8% - 12.4%). Ini membayangkan perbezaan peratusan yang besar di antara cara warisan sama ada dengan cara belian ataupun cara berian.

Pemilikan secara pusaka ini mengakibatkan pemecahan tanah kepada milik yang semakin kecil (K.S. Jomo, 1988; Ishak Shari, 1988), keadaan ini bererti bahawa pemecahan tanah menyebabkan pemilikan tanah menjadi tidak ekonomik. Oleh itu, pemilik tanah yang kecil saiznya tidak boleh bergantung sepenuhnya di bidang pertanian, malahan terpaksa mencari kerja lain untuk menampung kegunaan harian.

Jual beli tanah selalu berlaku di kampung ini. Kebanyakannya melibatkan tanah pusaka yang diwarisi dari generasi terdahulu. Penjualan tanah ini terjadi kerana kesuntukan kewangan dalam masa-masa yang tertentu, terutamanya di masa kecemasan atau "untuk keperluan naik haji, mengadakan nikah kahwin, membayar hutang atau mendapat modal untuk memulakan satu-satu yang baru" (S. Husin Ali, 1978: 47). Semasa kajian dibuat, tiga orang daripada responden yang ditemui melaporkan telah menjual tanah kerana membuat dan membaiki rumah. Mereka terpaksa berbuat demikian memandangkan tempat kediaman mereka mengalami kerosakan. Keadaan kekurangan kewangan berserta dengan pengeluaran hasil tani yang sedikit ini telah memaksa menjual tanah mereka untuk memenuhi



keperluan sosial tersebut.

Sebanyak 3.6% daripada ketua keluarga di kampung ini mengamalkan pembahagian harta (tanah) secara wasiat yang dikeluarkan sebelum ketua keluarga meninggal. Ini terutamanya melibatkan penyerahan harta kepada anak angkat yang dijadikan ahli keluarganya untuk mengelakkan harta tersebut dituntut oleh pewaris jauh.

Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa pemilikan tanah seseorang petani tidak sahaja melalui pusaka, tetapi juga melalui cara belian dan hadiah. Sebagai contohnya, terdapat 2 orang responden memperolehi pemilikan tanah melalui ketiga-tiga cara tersebut (pusaka, belian dan hadiah).

#### 4.4 Sistem Sewa Menyewa

Sistem sewaan adalah berasaskan kepada pihak penyewa membayar sejumlah wang yang dipersetujui kepada tuan-tuan tanah, sebelum ia boleh mengerjakan tanah pada masa-masa yang tertentu. Petani kecil kampung ini telah menyewa tanah dari tuan-tuan tanah yang kebanyakannya dari luar daripada kampung ini. Seramai 39 orang (94.0%) daripada ketua keluarga di sini menyewa tanah untuk dikerjakan. Keluasan tanah yang disewa oleh semua pemilik dan penyewa adalah 165 ekar. Kadar harga sewa ditetapkan oleh tuan-tuan tanah pada satu-satu musim. Semua syarat di antara penyewa dengan tuan tanah dilakukan secara lisan dan tidak didaftarkan di Pejabat Tanah Jajahan.

Seramai 23 orang (41.8%) responden tidak memiliki tanah (padi) manakala 32 orang (58.2%) lagi merupakan pemilik-pengerja dan pemilik-penyewa-pengerja. Luas tanah yang disewa oleh penyewa adalah 107.5 ekar. Hanya 3 orang sahaja petani-penyewa di sini yang menyewakan tanah sawah lebih daripada 7 ekar daripada tuan-tuan tanah.

Disebabkan permintaan ke atas tanah terlalu tinggi, maka sewa tanah juga tinggi. Kenaikan harga sewa ini mengurangkan pendapatan benar petani kerana petani terpaksa membayar lebih harga sewa daripada biasa ke atas keluasan tanah yang sama.

Jadual 8

Kadar Pembayaran Sewa Tanah Seekar  
Dalam Satu Musim Menanam Antara Tahun 1987-1990

Tahun	Harga (\$)	Kadar Kenaikan Harga (\$)	Perubahan (%)
1987	50.00	-	-
1988	Tidak Berubah	-	-
1989	70.00	20.00	40.00
1990	100.00	30.00	42.90

Sumber: Temuramah dengan Penghulu, Mukim Lalang

Perluasan tapak pertanian meskipun menambah hasil keluaran, namun petani terpaksa menanggung kos yang bertambah akibat daripada sistem penyewaan ini. Ini bermaksud setiap pertambahan dalam satu unit tapak pertanian akan menyebabkan pertambahan dalam kos sewaan



(kos penyelenggaraan). Bagi petani-petani miskin seakan-akan terdapat satu penindasan pada setiap musim menanam kerana terpaksa menanggung beban hutang untuk menampung kos pengeluaran tersebut. Pertambahan dalam kadar sewa ini sukar untuk dibendung. Sebaliknya, ia memberikan pertambahan keuntungan kepada tuan-tuan tanah menerusi usaha pembangunan dalam pengeluaran padi.

Pembayaran sewa ini biasanya dilakukan selepas padi dituai. Namun, terdapat setengah petani yang membayar sewa terlebih dahulu kepada pemilik tanah sebelum mengerjakan tanah tertentu; ini bergantung kepada persetujuan yang dilakukan di antara penyewa dengan pemilik tersebut. Keadaan ini membebankan kedudukan kewangan petani yang terpaksa membayar sewa sebelum padi dituai. Walau bagaimanapun, jika pembayaran sewa itu ditetapkan juga sebelum padi dituai, petani yang tidak bertanah terpaksa menerimanya. Kalau tidak, mereka tidak dapat meneruskan kegiatan pertanian.

Penyewa tidak mempunyai ikatan secara formal dengan tuan-tuan tanah (iaitu tidak didaftar di Pejabat Tanah Jajahan). Dengan ini, penyewa boleh menyewa atau memutuskan penyewaannya di musim akan datang. Sebaliknya, tuan tanah pula boleh menyewakan tanahnya itu kepada penyewa asal atau orang lain yang mereka sukai.

Sistem pawah juga diamalkan oleh petani kampung ini. Dalam sistem ini, petani-petani yang mengerjakan tanah terpaksa membahagikan hasil keluaran pertanian dengan tuan-tuan tanah. Ia juga dikenali sebagai sistem bahagi dua. Jenis-jenis sistem pawah iaitu:-

1. Membahagi dua padi bersih
2. Membahagi wang hasil daripada jualan padi
3. Membahagi padi yang masih belum dituai

Pemilihan secara pembahagian ini bergantung kepada persetujuan dan syarat-syarat yang patut dipenuhi oleh petani dan tuan tanah. Terdapat 2 orang (3.6%) sahaja petani yang terlibat dalam sistem pawah ini, kerana petani tidak perlu modal pendahuluan untuk mengerjakan tanah itu dan mereka tidak memperolehi pilihan lain selain daripada meneruskan kegiatan pertanian corak ini.

Ternyata sistem sewa lebih luas dipraktikkan daripada sistem pawah. Ini menunjukkan bahawa kampung ini lebih mengutamakan sistem sewa yang melibatkan pembayaran wang dari sistem pawah yang tidak perlu dibayar dengan wang. Keadaan ini sama dengan apa yang dikatakan oleh Wilson (1958) bahawa sewa lebih digemari daripada pawah, terutama setelah penanaman padi dua kali setahun diperkenalkan.

#### 4.5 Pengerjaan Tanah

Terdapat beberapa corak pengerjaan tanah di sini. Tanah boleh dikerjakan sama ada secara:

1. Perseorangan
2. Keluarga
3. Upah



Seramai 53 orang (96.3%) yang telah mengupah sawah mereka pada masa-masa yang tertentu dan selebihnya adalah dilakukan oleh tenaga keluarga. Ini menunjukkan bahawa tidak seorangpun petani di sini mengupah 100% kerja sawah mereka.

Jadual 9  
Pembahagian Tenaga Kerja Mengikut Punca  
Yang Dilakukan

Punca Tenaga Kerja	Bilangan Keluarga	%
Perseorangan	2	3.6
Keluarga	46	83.7
Upah	7	12.7
JUMLAH	55	100

Terdapat 2 individu yang mengerjakan tanah secara perseorangan, iaitu kedua-duanya terdiri daripada janda. Ini kerana salah seorang daripadanya kematian suami dan seorang lagi telah bercerai dengan suaminya. Mereka tidak menggunakan buruh upahan untuk mengerjakan sawah disebabkan oleh saiz tanah yang diusahakan itu adalah kecil.

Pengkhususan kerja mengikut jantina juga dijalankan. Tenaga lelaki digunakan untuk kerja-kerja berat, seperti menabur benih, mencedung, menuai dan membawa balik hasil padi yang telah dituai dari sawah. Kaum wanita pula menjalankan tugas yang lebih ringan. Misalnya kerja berkenaan dengan pengurusan rumahtangga

dan dalam bidang pertanian pula tugas mereka hanya sekadar mencabut anak-anak padi yang telah cukup umur daripada petak-petak semaian sebelum dipindahkan ke petak-petak sawah yang telah disediakan. Gandingan antara dua tenaga biasanya dilakukan sehinggalah tamat musim tersebut. Ini jelas apa yang diperkatakan oleh R. Firth;

"In general, the common principle obtained; the men attended to more energetic, arduous, and exciting occupation, while the women engaged in the more sober and somewhat more monotonous tasks" (1959: 206).

Pembahagian tugas mengikut umur dan kemampuan individu juga wujud dalam buruh keluarga ini. Golongan tua membuat kerja-kerja seperti meninjau dan memberi arahan kepada anak-anak supaya menjalankan kegiatan pertanian sebaik mungkin. Mereka tidak menjalankan kerja-kerja berat, seperti membawa balik hasil padi yang telah dituai di sawah-sawah padi. Kerja-kerja yang sedemikian dilakukan oleh golongan muda. Anak-anak yang masih bersekolah tidak dibenarkan menolong mereka di sawah, kecuali jika anak-anak itu berada di sekolah menengah. Mereka sekali sekala menolong ibubapa di sawah-sawah padi semasa cuti sekolah.

Petani yang menggunakan buruh upahan terdiri daripada mereka yang mengerjakan sawah padi yang lebih daripada 7 ekar (termasuk tanah sewa). Kira-kira 3.6% daripada jumlah keluarga di sini menggunakan buruh upahan di masa-masa tertentu, terutamanya masa mencedung ataupun menabur benih padi.



Padi yang divedung itu dibayar upah mengikut keluasan tanah yang dikerjakan. Buruh upahan ini selalunya diambil dari Thailand, kebanyakannya terdiri daripada kaum wanita. Mereka ini hanya diupah untuk mencedung. Petani yang menggunakan kaedah tabur terus pula mengambil pekerja-pekerja dari kampung-kampung lain untuk kerja-kerja menabur benih. Keseluruhan buruh ini terdiri daripada lelaki.

Kira-kira 67.3% daripada ketua keluarga di sini mengupah untuk kerja-kerja menuai dengan menggunakan mesin menuai. 32.7% menuai sendiri dengan menggunakan kaedah membanting.

Buruh tolong menolong hanya sekali sekala dipraktikkan, terutamanya pada musim menuai padi luar musim. Mengikut apa yang dikatakan oleh Kuntjaraningrat, buruh tolong menolong ialah "tambahan tenaga bantuan dalam pekerjaan yang tidak disewa tetapi diminta dari semua warga desa" (1964: 356). Pekerjaan secara tolong menolong ini merupakan satu kumpulan kerja yang selalunya terdiri daripada saudara mara dan yang tinggal berhampiran di antara satu sama lain, iaitu apa yang digelar oleh Kuchiba dan kawan-kawannya (1979) sebagai "homestead" atau kumpulan rumah-rumah yang bersehalaman.

Tolong menolong seperti ini lazimnya diamalkan secara bergilir-gilir. Mereka yang terlibat tidak meminta upah atau balasan tetapi mereka berharap di masa yang lain orang yang mereka pernah tolong itu akan menolong kerja sawahnya di waktu ia memerlukan. Sedikit makanan disediakan selepas pada waktu kerja.

Pekerjaan yang begini mengeratkan lagi perpaduan yang telah sedia ada. Walaupun buruh tolong menolong ini masih wujud di sini, tetapi ia hanya dilakukan pada waktu-waktu yang tertentu dan ia kelihatan semakin berkurangan.

Buruh berderau dan seraya juga masih wujud, tetapi tidak secara menyeluruh. Buruh berderau melibatkan pekerjaan secara bergilir-gilir di sawah yang dipunyai oleh tuan-tuan tanah yang berlainan dan dalam masa yang berlainan. Manakala seraya pula melibatkan hanya 2 orang (3.6%) petani di sini. Mereka ini terdiri daripada golongan yang berada dan berpengaruh serta mengerjakan tanah pertanian yang agak luas.

Dari ketiga-tiga jenis buruh (tolong menolong, derau dan seraya) yang masih wujud di kampung ini hanya buruh tolong menolong sering kali dipraktikkan. Kadangkala dalam satu musim menanam, buruh-buruh berkenaan tidak wujud kerana tidak ada yang sanggup meluangkan masa untuk berbuat demikian. Masing-masing sibuk dengan urusan sendiri.

Selain daripada penggunaan buruh yang telah disebut di atas, petani-petani di sini juga menggunakan teknologi baru dalam mengerjakan kegiatan pertanian. Pengenalan teknologi baru kepada petani-petani serentak dengan pengenalan penanaman padi dua kali setahun yang menjangkau usia hampir 25 tahun. Penggunaan teknologi ini termasuklah jentera, penggunaan benih padi yang baik, racun dan baja kimia.



Jentera pertanian yang diperkenalkan kepada pesawah di kampung ini adalah jentera pembajak dan jentera menuai. Idea ini diperkenalkan oleh pihak Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang memujuk petani supaya menerima penggunaan jentera tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan jentera pembajak telahpun diterima secara keseluruhan daripada responden yang ditemui.

Pesawah padi terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan yang memiliki jentera pembajak dan tidak memiliki jentera pembajak untuk membajak tanah mereka. Golongan yang memiliki jentera pembajak itu hanya sebilangan kecil sahaja, iaitu cuma 8 orang. 7 orang daripada mereka memiliki jentera 2 roda dan seorang lagi memiliki jentera 4 roda. Petani yang tidak memiliki jentera pembajak terpaksa mengupah untuk membajak tanah mereka. Seramai 47 orang tergolong dalam golongan ini.

Petani-petani di kampung ini membajak tanah mereka sebanyak dua kali di atas petak sawah yang sama, supaya tanah itu lebih hancur dan lambat ditumbuhi oleh rumput serta dapat mengurangkan serangan tikus ke atas anak-anak padi yang baru ditanam. Pembajakan cara ini adalah selaras dengan apa yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian.

Penggunaan baja kimia, racun serangga, racun tikus dan racun rumpai telahpun diperkenalkan kepada petani oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian serentak dengan pengenalan penanaman padi dua kali setahun. Keseluruhan petani di sini menerima skim

subsidi baja dari pihak kerajaan, sementara penggunaan racun dan benih padi yang baik, sebilangan besar penduduk di sini mendapatkan bahan-bahan tersebut secara kredit daripada PPK yang berdekatan ataupun membeli terus di Jabatan Pertanian Pasir Mas.

Penggunaan mesin menuai pula diperkenalkan di kampung ini serentak dengan pengenalan sistem penanaman padi secara tabur terus. Petani yang menanam padi secara tabur terus terpaksa menggunakan mesin menuai untuk memungut hasil padi mereka, kerana padi yang ditabur itu susah untuk dipotong kerana jaraknya di antara satu sama lain tidak teratur dan tersusun untuk menjalankan kerja-kerja membanting.

Penggunaan mesin menuai ini adalah amat diperlukan oleh petani-petani yang menjalankan kegiatan pertanian di petak pertanian yang luas. Penggunaannya juga diperlukan ketika menuai padi luar musim untuk mengelakkan daripada kerosakan akibat banjir.

Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa telah terdapat perubahan dan kecenderungan yang menunjukkan petani-petani di sini menerima teknologi baru yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian. Walaupun demikian, keupayaan mereka menggunakan teknologi baru ini bergantung kepada faktor modal, tanah serta keperluan mereka terhadap teknologi tersebut pada satu-satu musim menanam.



#### 4.6 Kerja Sambilan

Keluasan tanah yang dikerjakan tidak mencukupi untuk mendatangkan pendapatan yang dapat menampung keperluan. Oleh yang demikian, petani terpaksa menyewa tanah ataupun mencari kerja lain supaya dapat menampung kehidupan harian mereka.

Kerja-kerja sambilan kebanyakannya dilakukan oleh petani-petani kecil yang tidak bertanah (tanah sawah). Mereka ini bergantung hidup dengan kerja-kerja sambilan. Kerja-kerja ini biasanya dilakukan terutamanya semasa menunggu padi masak. Mereka tidak menjual hasil padi yang diperolehi kerana untuk kegunaan harian dan juga untuk disimpan sebagai keperluan pada masa-masa kecemasan.

Dari 55 ketua keluarga yang terlibat dengan pertanian ini, terdapat 10 orang (18.2%) yang mempunyai kerja sambilan, seperti berniaga, menarik beca, bertukang, buruh kasar dan menjadi buruh di sawah orang lain. Sebaliknya, mereka yang berpendapatan tetap seperti guru dan lain-lain, menanam padi sebagai kerja sambilan.

Petani-petani yang tidak mencari kerja selain daripada bertani itu adalah kerana bidang pertanian merupakan sumber ekonomi utama dan dapat menampung keperluan harian mereka. Kebanyakan mereka ini terdiri dari petani-petani yang mengerjakan sawah yang sudah mencukupi untuk makan sekeluarga. Juga terdapat petani-petani yang mengerjakan tanah yang agak luas, di mana mereka

tidak ada masa untuk mencari kerja-kerja lain selain daripada bertani. Tumpuan mereka seharian hanyalah di sawah-sawah padi sahaja.

#### 4.7 Pemasaran

Sistem pemasaran yang cekap adalah penting untuk mempercepat pembangunan dalam sektor pertanian. Tindakan dari pihak yang berkaitan perlu dilaksanakan agar memperbaiki sistem yang sedia ada, supaya pengeluar dapat menerima harga yang munasabah dan menguntungkan, manakala mutu barangan untuk pengguna dijamin dan kadar harga yang berpatutan.

Pemasaran adalah satu aspek yang terpenting dalam bidang pertanian. Ia dapat dilihat dengan tertubuhnya Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk menjamin sistem pemasaran dan penetapan harga minimum untuk padi. Penetapan harga padi yang lebih sempurna akan menjadikan hidup petani lebih terjamin. Walau bagaimanapun, penjualan padi oleh petani-petani kepada badan pembeli seperti LPN dan PPK masih lagi rendah. Malahan masih ramai lagi di kalangan mereka menjual padi kepada orang tengah yang berada di kampung ini ataupun dari luar. Kebanyakan petani-petani kampung ini menjual padi mereka kepada beberapa badan pembeli seperti berikut:-

1. Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN)
2. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)
3. Orang Tengah



Keluaran hasil padi adalah untuk dijual, kegunaan sendiri atau kedua-duanya. Mereka yang mengeluarkan hasil untuk kegunaan sendiri terdiri daripada pemilik tanah pertanian yang kecil saiznya, penyewa dan pemawah.

Jadual 10

Keluaran Hasil Padi Mengikut  
Tujuan Pengeluarannya

Tujuan Pengeluaran	Bilangan	%
Dijual	4	7.3
Kegunaan Sendiri	6	10.9
Kedua-duanya	45	81.8
JUMLAH	55	100

Petani-petani yang menjual hasil pertanian secara keseluruhannya mempunyai punca pendapatan yang lain selain daripada bertani, iaitu pendapatan bulanan yang tetap. Kebanyakannya terdiri daripada guru, askar dan lain-lain lagi.

Petani yang mengguna dan menjual lebihan kegunaan mereka pula terdiri daripada pemilik-penyewa-pengerja yang menanam padi di tapak pertanian yang agak luas saiznya. Bagi mereka, kegiatan pertanian (padi) ini merupakan sumber pendapatan yang utama.

Petani menjual hasil pertanian mereka kepada kedua-dua badan pembeli seperti PPK dan orang tengah kerana proses penuaian padi adalah secara berperingkat-peringkat. Ini terjadi kerana

terdapat jarak waktu proses penanaman padi dari satu petak ke petak sawah yang lain. Oleh yang demikian, padi tidak masak secara serentak.

Jadual 11

Penjualan Hasil Padi Mengikut Badan Pembeli

Badan Pembeli	Bilangan	%
LPN	9	18.4
PPK	8	16.3
Orang Tengah	12	24.5
PPK dan Orang Tengah	20	40.8
JUMLAH	49	100

Jadi, jika terdapat sebahagian daripada padi mereka yang masak, maka mereka terpaksa menuai terlebih dahulu untuk mengelakkan daripada kerosakan. Kebiasaannya, penuaian hasil yang pertama itu lebih tinggi daripada penuaian yang seterusnya. Dengan ini, hasil penuaian yang pertama itu dijual kepada PPK dan selebihnya kepada orang tengah.

Petani yang menjual hasil pertanian kepada orang tengah sahaja dan tidak kepada badan-badan pembeli yang lain, kerana hasil keluaran mereka adalah rendah. Dengan ini, mereka tidak dapat menampung kos pengangkutan jika mereka menghantar padi ke kilang-kilang LPN atau ke pejabat PPK yang berdekatan.



Petani-petani yang menyimpan padi mereka bukan sahaja untuk kegunaan harian, tetapi untuk menunggu musim-musim yang akan datang, terutamanya di masa kecemasan. Ini kerana pendapatan mereka terlalu rendah untuk membeli beras. Ada juga yang menyimpan padi untuk digunakan di masa-masa mengadakan kenduri, kerja kahwin dan lain-lain lagi.

Sedikit daripada hasil padi juga dibahagikan kepada saudara mara yang tidak terlibat dengan pertanian, terutamanya jika padi itu baru dituai. Amalan ini mengeratkan lagi persaudaraan di antara mereka yang sedia ada. Keluaran hasil padi juga digunakan untuk membayar hutang seperti sewa tanah, upah membajak dan lain-lain lagi.

Oleh yang demikian, penjualan hasil padi peringkat pertama digunakan untuk membayar hutang. Penjualan kedua dan seterusnya adalah untuk perbelanjaan harian dan juga untuk tabungan sebagai langkah berjaga-jaga di masa hadapan.

#### 4.8 Pendapatan

Pendapatan yang dimaksudkan di sini ialah jumlah pendapatan yang diperolehi daripada kerja yang dilakukan oleh responden, sama ada makan gaji atau kerja sendiri. Pendapatan daripada kerja tersebut juga dicampurkan dengan jumlah pendapatan yang diperolehi dari kerja-kerja sambilan untuk mendapatkan jumlah pendapatan keseluruhan yang dikerjakan.

Pendapatan hasil padi adalah sukar ditentukan secara tepat, kerana pendapatan mereka bergantung kepada keluaran hasil padi yang bermusim, keluasan sawah yang mereka kerjakan dan keadaan alam semulajadi. Berkemungkinan besar saiz tapak pertanian yang mereka kerjakan berbeza keluasannya di antara musim pertama dengan musim kedua. Tanaman padi luar musim juga kebiasaannya ditimpa bencana seperti banjir, serangga perosak dan sebagainya. Penulis telah mengambil jumlah pendapatan hasil padi mereka kemudiannya dibahagikan kepada jumlah bulan dalam dua musim menanam untuk menentukan pendapatan sebulan para petani.

Jadual 12  
Anggaran Pendapatan Bulanan Ketua Keluarga  
Kampung Lalang

Anggaran Pendapatan (\$)	Bilangan	%
0 - 150	12	21.8
151 - 300	10	18.2
301 - 450	13	23.6
451 - 600	11	20.0
601 - 750 dan lebih	9	16.4
JUMLAH	55	100

Terdapat seramai 22 orang (40.0%) ketua keluarga yang berpendapatan kurang daripada \$300.00 sebulan manakala jumlah ketua keluarga yang berpendapatan kurang daripada \$400.00 sebulan adalah seramai 30 orang (54.4%). Walaupun demikian, masih lagi



terdapat dalam kawasan kajian ini petani-petani yang berpendapatan kurang daripada \$100.00 sebulan, iaitu seramai 9 orang (16.4%).

Petani yang berpendapatan kurang daripada \$100.00 sebulan ini terdiri daripada penyewa-penyewa tanah yang tidak mampu untuk menyewa tanah lebih luas dan pemawah tanah. Kedua golongan ini tidak dapat mengeluarkan hasil yang lebih banyak kerana kekurangan modal pendahuluan untuk memulakan penanaman padi.

Petani-petani yang berpendapatan lebih daripada \$600.00 sebulan terdiri daripada mereka yang mengerjakan tanah sendiri dan juga yang telah menambah saiz tapak tanamannya dengan menyewa tanah orang lain. Mereka ini dapat mengumpul modal asas untuk memulakan kegiatan pertanian.

Hanya seorang sahaja yang berpendapatan lebih daripada \$1000.00 sebulan. Pendapatan yang tinggi ini berpunca daripada kerja sambilan yang dilakukan. Beliau juga memiliki tanah sendiri dan menyewa tanah orang lain untuk menambahkan keluarannya. Didapati bahawa lebih daripada 20 ekar tanah pertanian dikerjakan oleh petani ini dalam satu musim.

Pendapatan penduduk kampung ini berbeza-beza mengikut jenis pekerjaan dan penguasaan ke atas faktor pengeluaran. Bagi mereka yang menguasai faktor pengeluaran, pendapatannya hampir-hampir sama dengan orang-orang makan gaji. Penyewa dan pemawah terpaksa mengagih-agihkan pendapatan mereka ke atas perbelanjaan harian dan untuk meneruskan kegiatan pertanian. Berkemungkinan

besar mereka terpaksa berhutang untuk meneruskan kegiatan pertanian tersebut.

#### 4.9 Perbelanjaan

Di kawasan ini, petani membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka untuk menampung kos penyelenggaraan pengeluaran padi dan untuk persekolahan anak-anak. Jika terdapat lebih daripada perbelanjaan berkenaan barulah mereka membeli keperluan-keperluan lain seperti pakaian, perhiasan rumah dan seumpamanya.

Sebenarnya kerja-kerja sawah ini memerlukan perbelanjaan yang besar, terutamanya untuk membayar sewa. Kadar sewa untuk seekor ialah sebanyak \$100.00, manakala kerja membajak pula sebanyak \$35.00 bagi satu jam. Biasanya kerja-kerja membajak tanah memerlukan masa antara 2 hingga 3 jam. Bagaimanapun, ini bergantung kepada keadaan tanah berkenaan. Lain-lain perbelanjaan seperti racun serangga, racun tikus, racun rumpai dan sebagainya menambah bebanan kepada petani-petani kecil di kawasan ini. Memandangkan hasil yang diperolehi tidak mencukupi berbanding dengan perbelanjaan yang tinggi, petani-petani ini terpaksa berhutang dengan pembajak dan pemilik tanah. Bila hasil keluaran padi diperolehi, petani-petani terpaksa menyelesaikan segala hutang-hutang terdahulu menyebabkan pendapatan bersih yang diperolehi oleh petani tersebut sangat sedikit.



Jadual 13  
Anggaran Perbelanjaan Bulanan Ketua Keluarga  
Kampung Lalang

Anggaran Perbelanjaan (\$)	Bilangan	%
0 - 90	1	1.8
91 - 181	5	9.1
182 - 272	15	27.3
273 - 363	13	23.6
364 - 454	21	38.2
JUMLAH	55	100

Terdapat seramai 31 orang (56.4%) daripada responden di sini membelanjakan lebih daripada \$300.00 sebulan, sedangkan pendapatan mereka kurang daripada paras tersebut. Ini menunjukkan 16.4% (56.4% - 40.0%) daripada jumlah ketua keluarga di sini terpaksa menanggung hutang pada setiap musim menanam padi.

#### 4.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa terdapatnya perubahan di dalam ragam pengeluaran, iaitu daripada bentuk sara diri kepada pengeluaran lebihan untuk dipasarkan. Di samping itu mereka juga menampakkan kecenderungan dalam penggunaan teknologi moden yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian.

Perubahan dalam teknik pengeluaran pertanian hanya berjaya mewujudkan sebilangan kecil petani yang mempunyai pendapatan

yang tinggi, manakala sebahagian besar yang lain masih dibelenggu oleh lingkaran kemiskinan. Ini kerana permodenan dalam bidang pertanian menyebabkan peningkatan kos penyelenggaraan pengeluaran pertanian. Jadi petani-petani miskin terpaksa berhutang untuk membiayai kos tersebut.



## BAB V

### KESIMPULAN DAN PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini meliputi aspek sosio-ekonomi komuniti tani di Kampung Lalang. Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab awal, tujuan kajian ini ialah untuk melihat organisasi sosial serta susunan dan organisasi ekonomi.

Komuniti di sini merupakan komuniti pesawah padi. Walaupun terdapat sebilangan kecil yang bekerja di luar sektor pertanian, mereka semua terlibat dengan pertanian padi. Pesawah juga membuat kerja-kerja sambilan, terutamanya ketika menunggu masa padi masak.

Keseluruhan daripada komuniti kampung ini mempunyai ikatan persaudaraan yang kuat. Perhubungan mereka menampakkan ciri-ciri kesatuan dan kesamaan yang amat rapat sekali.

Penempatan mereka berjajar di sepanjang jalanraya dan taliair. Kelompok-kelompok perumahan menunjukkan penempatan sesebuah keluarga besar. Bentuk-bentuk perumahan agak sama. Kebanyakannya berbentuk tradisional dan sebilangan kecil berbentuk moden.

Kekuasaan mutlak di dalam sebuah keluarga terletak kepada ibubapa, terutamanya bapa. Kedua-dua orang tua mempunyai kuasa penuh ke atas anak-anak mereka. Bagi seorang anak pula, ibubapa adalah raja di dalam rumah, terpaksa dihormati dan taat.

Perhubungan di antara adik beradik pula adalah bergantung kepada status umur, iaitu yang muda mesti menghormati yang lebih tua. Walaupun demikian, abang atau kakak diharap memanja-manjakan adik-adik mereka.

Dalam komuniti tani di sini, penggunaan masjid dan madrasah bukan hanya berkenaan dengan kegiatan keagamaan sahaja, tetapi berkaitan dengan ekonomi, politik dan pentadbiran. Dalam kehidupan seharian mereka mengimbangkan aktiviti-aktiviti ekonomi dengan aktiviti-aktiviti keagamaan serta hidup yang serba sederhana. Keadaan ini adalah menggambarkan personaliti mereka.

Politik yang bercorak ideologi Islam mempunyai penyokong yang lebih ramai dalam komuniti tani di sini. Mereka menekankan konsep perpaduan ummah. Apa yang jelas di sini ialah bahawa di kalangan mereka lebih ramai menyertai parti PAS kerana parti tersebut mengutarakan konsep ummah. Pengertian konsep ummah ini juga digunakan dalam perjuangan nasionalisme masyarakat Melayu di Malaysia sebagaimana yang ditekankan oleh W.R. Roff (1967).

Parti UMNO yang tidak mempunyai ideologi yang jelas dan bersifat pragmatis kurang mendapat sambutan. Penduduk-penduduk di sini menganggap sebahagian dari perjuangan UMNO tidak selari dengan prinsip-prinsip Islam, masih lagi menghayati dan mengamalkan nilai-nilai kebaratan. Ia juga dianggap tidak mengutamakan konsep ummah kerana bekerjasama dengan orang-orang bukan Islam. Dengan itu penduduk kampung ini merasa kebaratan untuk memberi sokongan kepada UMNO.



Kesedaran politik di kalangan petani hanyalah di masa pilihanraya sahaja. Pada masa lain, mereka tidak berkecimpung dalam kegiatan berpolitik. Oleh sebab itu, boleh dikatakan bahawa kegiatan politik tani di sini hanyalah pada peringkat kampung. Ketiga-tiga cawangan parti politik seperti PAS, UMNO dan S.46 terletak di Kampung Bayu Lalang.

Komuniti tani kampung ini menampakkan perbezaan yang agak jelas dari segi ekonomi kerana terdapatnya perbezaan dari segi saiz pemilikan tanah, penguasaan ke atas faktor pengeluaran dan jenis pekerjaan. Petani-petani bermodal dapat memperbesarkan skel operasinya melalui pertambahan saiz penyewaan tanah pertanian. Namun begitu, jurang perbezaan di antara golongan makan gaji dengan petani miskin adalah ketara. Manakala di antara petani berada dengan orang makan gaji pula tidak menunjukkan perbezaan yang jelas.

Ketidakseimbangan saiz pemilikan tanah dan penyewaan tanah pertanian wujud kerana pengenalan ekonomi pasaran. Petani berada mengeluarkan hasil pertanian adalah sebahagian besarnya bertujuan untuk dipasarkan, di samping menyimpan sedikit untuk digunakan sementara menunggu hasil yang akan datang. Mereka memperluaskan skel operasinya melalui pertambahan dalam jumlah tanah yang disewa. Sedangkan petani miskin tersisih daripada penyewaan tanah kerana harga sewa tanah sawah semakin meningkat. Perbezaan saiz guna tanah pertanian ini menyebabkan wujudnya perbezaan dari segi pendapatan dan corak atau gaya hidup di antara kelompok-kelompok tersebut.

Sebilangan besar petani-petani di sini memiliki tanah dari orang tua yang diwarisi dari mereka. Perluasan tanah pertanian seperti melalui cara belian masih lagi di peringkat rendah kerana kekurangan modal terkumpul.

Keluarga merupakan sumber tenaga kerja yang utama. Saiz keluarga yang besar menunjukkan tenaga buruh yang ramai. Walau bagaimanapun, penyerapan teknologi moden telah menimbulkan beberapa perubahan dalam komuniti ini, seperti penggunaan buruh upahan, bertambahnya orientasi pemasaran, seterusnya membawa kepada peningkatan dalam pendapatan.

Dari segi pemasaran, walaupun telah timbul agensi kerajaan dan badan-badan berkanun, tetapi penguasaan orang tengah masih lagi merupakan faktor yang penting sebagai pembeli hasil keluaran dan sumber kredit kepada petani-petani. Walau bagaimanapun, kemunculan institusi-institusi seperti LPN dan PPK ini, sekurang-kurangnya petani dapat mengenyepikan sedikit sebanyak sumber kredit orang tengah, kerana keuntungan yang lebih boleh diperolehi daripada institusi-institusi tersebut.

Pertambahan dalam pendapatan juga ditentukan oleh saiz pemilikan tanah dan penguasaan ke atas faktor pengeluaran serta penerimaan teknologi moden. Petani-petani yang mempunyai faktor pengeluaran tersebut lebih teguh ekonominya berbanding dengan petani-petani kecil.



Kebanyakan petani Kampung Lalang hidup serba kekurangan disebabkan pemilikan tanah pertanian yang kecil saiznya. Pertambahan skel operasinya tidak meluas disebabkan kekurangan modal untuk menampung kos pengeluaran dalam kegiatan pertanian tersebut. Keadaan ini menyebabkan keluaran hasil pertanian terlalu rendah (sedikit). Oleh yang demikian, mereka terpaksa membuat kerja-kerja sambilan supaya dapat menampung perbelanjaan (menyara) hidup sekeluarga. Di samping itu, mereka juga terpaksa berhutang dari tuan-tuan tanah, pembajak tanah, pekedai atau peminjam wang (orang tengah) untuk menampung kos penyelenggaraan ketika menjalankan kegiatan pertanian. Keadaan kemiskinan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai lebihan wang yang membolehkan mereka melabur atau menyimpan sebagai keperluan untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian di musim akan datang.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh organisasi baru, seperti penawaran kredit di kalangan petani oleh PPK, dapat meringankan beban kaum tani ketika memulakan kegiatan pertanian dan juga semasa pembayaran balik pinjaman tersebut dengan kadar bunga yang rendah. Kemudahan yang disediakan itu diterima oleh petani-petani akibat daripada perubahan pemikiran mereka. Namun begitu, hanya petani-petani berada sahaja berkemampuan menerima kemudahan yang ditawarkan oleh badan-badan tersebut. Sebaliknya, petani-petani miskin terpaksa juga bergantung hidup kepada pemilik-pemilik tanah dan orang tengah.

Barangkali di sini sedikit pemerhatian mengenai kegiatan-kegiatan badan-badan berkanun dapat dibuat. Ini ialah kerana pelaksanaan dasar-dasarnya banyak kekurangan. Oleh yang demikian, perancangan yang dibuat hendaklah terlebih dahulu meninjau keadaan dalam satu-satu kawasan yang hendak dibangunkan itu. Dengan itu juga badan-badan yang berkaitan hendaklah mempergiatkan usaha penerangan kepada petani-petani. Keutamaan diberikan kepada petani-petani kecil seperti penumpuan bantuan dan kegiatan institusi pertanian supaya jalan penyelesaian masalah petani-petani kecil dicapai.

Dalam komuniti tani di sini wujud susunlapis sosial, iaitu golongan berada dan golongan miskin. Petani-petani miskin lebih ramai daripada petani-petani berada. Faktor utama yang memungkinkan keadaan sedemikian ialah petani-petani tidak memiliki saiz tanah pertanian yang luas dan kekurangan faktor pengeluaran. Kekurangan modal menghalang petani-petani daripada memperluaskan skel operasi melalui penyewaan tanah yang lebih luas walaupun mereka ini telah menerima modenisasi dalam sektor pertanian.

Sebagai penutup dapat dikatakan bahawa perubahan dalam susunan dan organisasi ekonomi seperti pertambahan dalam skel operasi, pengerjaan tanah dengan teknologi moden dan penggunaan buruh upahan serta pemasaran padi kepada institusi baru dapat meningkatkan taraf ekonomi tani. Perubahan dalam pengeluaran pertanian daripada bertani secara 'subsistence' kepada pengeluaran hasil-hasil lebihan untuk dipasarkan adalah jelas. Walaupun



pembangunan dalam bidang pertanian meresapi ke dalam kampung ini, tetapi tidak dapat melenyapkan perbezaan stratifikasi sosial dalam komuniti tani ini. Sebaliknya, skim pemberian subsidi oleh kerajaan menguntungkan para petani yang memiliki tanah pertanian yang luas, malahan akan menambahkan lagi jurang perbezaan kelas di antara mereka.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Kadir Yusoff, Wan  
(1985) "Sikap Kekitaan Dalam Kelompok Sosial Masyarakat Tani Di Kelantan" dalam Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei, Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff (eds.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Bil. 3, m.s. 192-203.
- Afifuddin Hj. Omar  
(1986) Pembangunan Ekonomi Kaum Tani: Suatu Kajian Ekonomi-Politik Di Wilayah Muda (terjemahan Daud Baharun), DBP, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_  
(1973) "Pemimpin Dalam Masyarakat Tani", dalam Dewan Masyarakat, Vol. 11, Jun.
- Brown, A. R.  
(1980) Struktur dan Fungsi Dalam Masyarakat Primitif (terjemahan Abd. Razak Yahya), DBP, Kuala Lumpur.
- Djamour, J.  
(1965) Malay Kinship and Marriage in Singapore, The Athlone Press, London.
- Firth, R.  
(1966) Malay Fishermen: Their Peasant Economic, Routledge and Kager Round, L.T.D. London.
- \_\_\_\_\_  
(1959) Economic of the New Zealand Maori, R.E. Owen, Government Printer, Wellington, New Zealand.
- Firth, Rosemary  
(1966) Housekeeping Among Malay Peasant, London School of Economic, Monograph on Social Anthropology, No. 7, The Athlone Press, University of London.
- Hammudah 'Abd. Al'Ati  
(1985) The Family Structure in Islam: Keluarga Islam (terjemahan Anshari Tyayib), Penaman Sdn. Bhd., Malaysia.



Hashim, Wan  
(1978)

A Malay Peasant Community in Upper Perak: Integration and Transformation, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

---

(1984)

Petani dan Persoalan Agraria, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.

Husin Ali, Syed  
(1964)

Social Stratification in Kampung Bagan, MBRAS, Kuala Lumpur.

---

(1977)

Masyarakat dan Kepimpinan Kampung Di Malaysia (terjemahan dari Malay Peasant Society and Leadership, Oxford University Press, 1975), Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.

---

(1978)

Kemiskinan dan Kelaparan Tanah Di Kelantan: Suatu Penyelidikan Sosio-Ekonomi Kelantan, Karangkrak Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.

Hussain Mohamed  
(1985)

Gerakan Belia Di Malaysia, Gateway Publishing House, Kuala Lumpur.

Ishak Shari  
(1988)

Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar Di Kelantan, DBP, Kuala Lumpur.

---

(1985)

Perubahan Ekonomi Kelantan dan Ketidaksamaan Dalam Masyarakat Nelayan Perupok, Tesis (Ph.D.), Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Jamil Yaacob  
(1984)

Peranan KADA Dalam Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi Penanam-Penanam Padi, Kajian Kes Di Daerah Gunung, Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Malaya.

- Jomo, K.S.  
(1988) Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial Di Semenanjung Malaysia (terjemahan Shamsulbahriah Ku Ahmad), DBP, Kuala Lumpur.
- Kuntjaringanrat  
(1964) Masyarakat Desa Di Indonesia Masa Ini, Jajasan Badan Penerbit Fakultas Ekonomi, Indonesia, Jakarta.
- Kuchiba, M.Y., Y. Tsubouchi and N. Maeda  
(1979) The Three Villages: A Sociology of Paddy Growers in West Malaysia, The University Press of Hawaii, Honolulu.
- La Palombara, J.  
(1974) Politic Within Nation Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs, New Jersey.
- Mazidah Zakaria  
(1967) Susunan Ekonomi dan Sosial Kg. Changkat Larang, Kawasan Simpanan Melayu, Perak: Satu Kajian Perubahan Ekonomi dan Sosial Dalam Sebuah Masyarakat Melayu, M.A. Tesis, Universiti Malaya.
- Migdal, J.S.  
(1974) Peasants, Politics and Revolution: Pressures Toward Political and Social Change in The Third World, Princeton University Press.
- Nash, M.  
(1974) Peasant Citizen: Politic, Religion and Modernization in Kelantan, Malaysia, Ohio University.
- Noraziah Ahmad Gazali  
(1980) Pendekatan Umum dan Pemikiran Max Weber Dalam Sosiologi, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Norazit Selat  
(1986) "Penaung Di Dalam Masyarakat Melayu: Tradisi dan Moden" dalam Kajian Budaya dan Masyarakat Di Malaysia, Mohd. Taib Osman dan Wan Abdul Kadir Yusoff (eds.), DBP, Kuala Lumpur.



Ratcliffe, J.  
(1976)

Land Policy: An Exploration of The  
Nature of The Land in Society,  
Principle Lecturer in Estate Management,  
Politechnic of Central London.

Roff, W.R.  
(1967)

The Origins of Malay Nationalism,  
New Haven and London, Yale University  
Press.

Wilson, P.J.  
(1958)

A Malay Village and Malaysia: Social  
Value and Rural Development, HRAF,  
New Haven.